MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

2019

HARI ISNIN : 22 APRIL 2019

NO SOALAN: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perbezaan di antara Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dengan Pusat Komuniti Desa sama ada daripada sudut dasar, mekanisme dan hala tujunya.

NO SOALAN: 1

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif bertarikh 24 April 2019 serta soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen bertarikh 30 April 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penstrukturan semula Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Centre* (RTC) dan Mini RTC secara bersekali di bawah satu penstrukturan baharu iaitu Pusat Komuniti Desa atau singkatannya PKD, adalah lanjutan daripada penetapan halatuju baharu RTC yang melibatkan penyerahan enam daripada 11 RTC kepada Kerajaan Negeri dan pemilik bangunan, serta rasionalisasi ke atas Mini RTC yang bertujuan membolehkan pelaksanaan program Mini RTC yang lebih bersasar dan pengurusan yang lebih efisien serta penggunaan sumber-sumber terutama peruntukan mengurus yang lebih optima.

Dalam menentukan halatuju baharu program RTC, KPLB telah melaksanakan sesi libat urus dengan Jabatan / Agensi yang beroperasi di RTC, Kerajaan Negeri serta pemilik bangunan yang diduduki RTC bagi memastikan halatuju yang bersesuaian ditetapkan selain mengambil kira pandangan dan kapasiti Jabatan / Agensi yang beroperasi di RTC. Pada masa yang sama, hala tuju baharu RTC yang ditetapkan oleh KPLB membolehkan pihak Kementerian menyelaras semula fungsi dan

tanggungjawab teras KPLB kepada kumpulan sasar iaitu masyarakat luar bandar serta mengelakkan pertindihan fungsi dengan agensi/jabatan berkaitan bagi mengoptimumkan sumber kewangan Kerajaan.

Antara faktor yang diambilkira dalam penetapan halatuju RTC adalah, keperluan sebenar RTC di sesebuah lokasi, implikasi kewangan kepada KPLB, sambutan oleh pengunjung bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di RTC, di samping mengambilkira keputusan Jabatan / Agensi yang beroperasi di RTC sama ada dapat meneruskan operasi atau sebaliknya berdasarkan pertimbangan masing-masing.

Dalam hubungan ini juga, semasa sesi libat urus, KPLB telah menggesa agar RTC yang diserahkan kepada pemilik bangunan atau Kerajaan Negeri diteruskan sebagai pusat perkhidmatan setempat sekiranya perkhidmatan agensi-agensi sedia ada mendapat sambutan dan diperlukan oleh masyarakat, dengan kos pengoperasian ditanggung oleh agensi masing-masing atau Kerajaan Negeri yang berkaitan. Pemilik bangunan juga digesa agar mengenakan kadar sewa yang berpatutan agar tidak membebankan agensi-agensi yang hendak meneruskan operasi di RTC terbabit.

Menerusi penstrukturan semula ini, selain mengekalkan fungsi dan peranan sedia ada RTC dan Mini RTC, Kementerian juga telah menambahbaik kemudahan serta memperkasakan peranan PKD dengan penambahan beberapa fungsi, bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan. Antara penambahan fungsi dan peranan PKD adalah sebagai:

i. Pusat aktiviti dan latihan program-program pemerkasaan wanita;

ii. Pusat pengumpulan dan pengedaran untuk Pos Malaysia bagi penduduk setempat;

iii. Pusat pembayaran bil-bil tanpa tunai;

iv. Pusat pengurusan bencana (*Disaster Alert Center*) di mana PKD boleh bekerjasama dengan agensi-agensi seperti NADMA, Kementerian berkaitan serta badan bukan Kerajaan (NGO) dalam penyaluran maklumat serta persediaan sekiranya bencana berlaku;

v. Pusat Sehenti Maklumat Perniagaan (*One Stop Business Service Office)* di mana PKD menjadi *platform* bagi masyarakat luar bandar mendapatkan maklumat bagaimana untuk memulakan perniagaan;

vi. Pusat penyebaran maklumat mengenai pengurusan sisa domestik di mana premis PKD dijadikan tempat untuk menyampaikan taklimat kesedaran terhadap pengurusan sisa serta program kitar semula;

vii. *Frontliner* dalam menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan Kerajaan kepada masyarakat; dan

viii. Pemangkin kepada Hab Pendidikan di luar bandar.

Berhubung inisiatif untuk menambah baik capaian internet di PKD, Kementerian sedang mengambil langkah untuk menaiktaraf kemudahan

capaian internet di PKD kepada kelajuan yang lebih tinggi berbanding kelajuan sedia ada iaitu daripada 1 hingga 4 MBps kepada sekurang-kurangnya 8 hingga 100 MBps.

Di samping itu juga, Kementerian sedang dalam perancangan bagi melaksanakan projek rintis program Desa Digital yang akan dilaksanakan dalam tahun ini. Matlamat Program Desa Digital adalah untuk menaiktaraf kemudahan capaian internet di kawasan luar bandar sebagai platform bagi usahawan luar bandar memasarkan produk secara dalam talian, serta memberi manfaat secara langsung kepada golongan belia dan masyarakat luar bandar amnya. Sekiranya projek ini menunjukkan kejayaan yang diharapkan, ia akan diteruskan ke PKD-PKD di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu operasi Pusat Komuniti Desa (PKD) adalah mulai jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang setiap **hari bekerja** mengikut ketetapan di negeri-negeri. Waktu operasi PKD adalah berbeza dengan waktu operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) iaitu dari jam 1.00 petang hingga jam 10.00 malam bagi hari bekerja dan dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bagi hari-hari tidak bekerja.

NO SOALAN: 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan asas-asas pemilihan Syarikat Pancaran Bumimas@Pancaran Agro Sdn Bhd untuk menerima geran di bawah program NKEA Pertanian EPP9 dan jumlah yang diterima, syarat-syarat yang dikenakan serta status syarikat dan program pembelian padi wangi oleh syarikat itu sekarang.

NO SOALAN: 2

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin memohon supaya pertanyan ini dijawab bersekali dengan pertanyaan nombor 74 daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa bertarikh 9 Mei 2019 kerana menyentuh isu yang hampir serupa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *Syarikat Pancaran Agro Sdn. Bhd.* **belum pernah dilantik** oleh Kementerian ini sebagai **Syarikat Peneraju** dan **belum menerima sebarang peruntukan** di bawah *Program NKEA Pertanian EPP9*.

Walau bagaimanapun, syarikat ini telah diperakukan sebagai **Kontraktor Penyelamat** *dalam Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU NKEA Pertanian Bilangan 1 Tahun 2017* pada 27 Februari 2017 **untuk menyiapkan kilang padi beras wangi di Jeram Pasu** dengan nilai peruntukan **RM10.07 juta**. Kilang ini telah berjaya disiapkan pada 4 Mac 2018 dan masih dalam *Tempoh Tanggungan Kecacatan* sehingga 6 Mei 2019.

Berkenaan asas pemilihan syarikat ini seperti pertanyaan Yang Berhormat Senator, ingin saya tegaskan sesebuah syarikat hanya akan

dipertimbangkan sebagai Syarikat Peneraju sekiranya mempunyai kriteria seperti berikut:

a) telah **beroperasi** melebihi tempoh **satu (1) tahun**;

b) memperolehi **nilai jualan** melebihi **RM250 ribu setahun**; dan

c) kawasan **penanaman** melebihi **40 hektar**.

Pada masa ini, keluasan penanaman padi wangi di luar jelapang adalah 1,785 hektar. Bagi meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara, Kementerian sedang mengkaji untuk memperluaskan tanaman padi wangi di kawasan jelapang, tertakluk kepada kawasan sawah yang telah ditentukan seperti di *Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)* dan *Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)*.

Dua (2) syarikat telah dikenal pasti dan telah memohon untuk **melaksanakan tanaman padi wangi di dalam jelapang** iaitu *Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd.* dan *Pancaran Agro Sdn. Bhd*.

Syarikat Pancaran Agro Sdn. Bhd. telah pun melaksanakan aktiviti penanaman padi wangi MRQ 76 di kawasan luar jelapang padi di Machang dan Rantau Panjang sebelum ini **secara persendirian tanpa melibatkan sebarang peruntukan** daripada Program NKEA Pertanian. Sehubungan itu, setakat ini tiada sebarang aktiviti pembelian padi wangi dilakukan oleh syarikat ini.

NO SOALAN: 2

Nota: Varieti benih padi wangi yang ada pada masa ini adalah MRQ 74, MRQ 76 dan MRQ 88.

Bagi menggalakkan pesawah untuk menanam padi wangi, Kerajaan telah menyediakan insentif seperti berikut:

i. Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP);
ii. Skim Subsidi Harga Padi (SSHP);
iii. Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP); dan
iv. Skim Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

Kementerian juga sedang mengkaji supaya harga belian padi wangi ditetapkan RM300 lebih tinggi (*RM1,500/metrik tan*) berbanding harga belian padi biasa (*RM1,200/metrik tan*).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan data statistik mengikut negeri bagi jumlah kenderaan jenis kereta elektrik dan kereta "hybrid plug in charging" di Malaysia.

NO SOALAN: 3

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kenderaan berdaftar bagi kereta yang menggunakan kuasa elektrik dan hybrid sehingga 31 Mac 2019 masing-masing adalah sebanyak 5,403 buah dan 46,981 buah. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	ELEKTRIK	HYBRID
Perlis	12	107
Kedah	107	519
P.Pinang	428	4,230
Perak	64	1,937
Selangor	2,791	3,147
W.Persekutuan	504	25,360
N.Sembilan	29	861
Melaka	111	949
Johor	202	5,218
Pahang	114	653
Terengganu	9	308
Kelantan	8	451
Sabah	774	1,278
Sarawak	250	1,963
JUMLAH	5403	46,981

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Global Islamic Finance hub yang terkemuka di dunia.

NO SOALAN: 4

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dalam membangunkan ekosistem kewangan Islam secara menyeluruh dan berdaya maju di peringkat global.Menurut Laporan Pembangunan Kewangan Islam 2018 yang diterbitkan oleh Thomson Reuters, Malaysia telah mengekalkan kedudukannya di tempat teratas daripada 56 buah negara sejak laporan ini diterbitkan pada tahun 2013. Selain daripada laporan oleh Thomson Reuters, Malaysia turut disenaraikan sebagai peneraju hub kewangan Islam oleh Laporan Kewangan Islam Global 2017 yang diterbitkan oleh Edbiz Consulting yang berpengkalan di United Kingdom.

2. Malaysia juga adalah negara yang paling giat menerbitkan sukuk. Ini terbukti apabila Malaysia telah mendahului negara-negara lain dengan syer majoriti melebihi 50% pasaran Sukuk global secara konsisten sejak tahun 2000. Malaysia kekal sebagai peneraju global dalam pasaran modal dengan ekuiti patuh syariah dan Sukuk belum tebus (Sukuk outstanding) bernilai RM1.9 trilion (akhir 2018).

3. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam, antara langkah-langkah utama yang telah diambil adalah seperti berikut:

- Mempelopori inisiatif berkaitan kewangan Islam di peringkat antarabangsa seperti penubuhan Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) yang berpejabat di Malaysia. IILM ditubuhkan oleh 12 bank pusat dan dua institusi pembangunan multilateral iaitu Bank Negara Malaysia, Bank Indonesia, Central Bank of Kuwait, Central Bank of Luxembourg, Bank of Mauritius, Central Bank of Nigeria, Qatar Central Bank, Central Bank of the Republic of Turkey, Central Bank of UAE, Saudi Arabia Monetary Authority, Central Bank of Iran, Central Bank of Sudan, Islamic Development Bank (IsDB) dan Islamic Corporation for Development of Private Sector (ICD). Penubuhan IILM adalah untuk mengukuhkan pengaturan mudah tunai untuk sistem kewangan Islam, manakala IFSB pula merupakan sebuah badan penetapan piawai kehematan antarabangsa bagi kewangan Islam;

- Meningkatkan daya saing kewangan Islam Malaysia melalui inisiatif Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC). Pelbagai langkah- langkah bersepadu telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan pihak industri untuk meningkatkan daya saing negara sebagai hub kewangan Islam. Sebagai contoh, pada tahun 2017, Malaysia sekali lagi menjadi peneraju sebagai negara pertama menerbitkan sukuk hijau di di dunia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Bank-bank Malaysia juga telah berjaya dilantik menjadi pengatur dan pengurus utama sukuk berdaulat untuk negara lain seperti United Kingdom, Hong Kong, Turki dan Indonesia;

- Mengukuhkan operasi kewangan Islam di Malaysia melalui adaptasi piawaian kehematan antarabangsa dan meningkatkan hemat pengurusan kecairan bank-bank Islam melalui penglibatan Bank Negara Malaysia dalam IILM dan IFSB;

- Menganjurkan persidangan dan program antarabangsa yang mendukung peranan Malaysia sebagai hab kewangan Islam di peringkat antarabangsa seperti Persidangan Kewangan Islam Dunia (Global Islamic Finance Forum, GIFF). Bersempena dengan GIFF2018, BNM dan SC juga telah menganjurkan majlis Anugerah Diraja Kewangan Islam bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang kewangan Islam dunia;

- Menyumbang kepada pertumbuhan kewangan Islam global melalui penawaran program-program pembangunan bakat dan modal insan dalam kewangan Islam institusi pengajian seperti Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM bagi memenuhi keperluan kepakaran kewangan Islam global; dan

- Menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berikutan pengenalan konsep pengantaraan berasaskan nilai (Value-based Intermediation, VBI) pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah teknologi 'drone' akan diperkenalkan dan digunakan oleh ATM pada masa sekarang dan masa depan sebagai satu strategi peperangan yang baru supaya ATM dapat bersaing dengan angkatan tentera negara jiran.

NO SOALAN: 5

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sangat bersetuju dan mengakui kepentingan teknologi *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) pada masa sekarang dan masa hadapan sebagai salah satu strategi peperangan di samping dapat meningkatkan keupayaan ATM bagi memantau sempadan daratan dan maritim negara. Keupayaan UAV didapati adalah efektif berdasarkan '*endurance'* yang lama, jarak pengoperasian yang jauh serta keupayaan dan kelebihan sensornya. ATM telah pun mempunyai keupayaan UAV di dalam perkhidmatan bagi tujuan pengawasan serta turut berkolaborasi dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi tujuan pemetaan.

Sebagai persediaan kepada aset UAV ini di dalam perkhidmatan, ATM kini sedang membangunkan doktrin dan konsep operasi UAV agar pengoperasian UAV ini dapat digunakan secara efektif dan berkesan dalam menjaga persempadanan daratan dan maritim negara. Teknologi UAV juga akan digunakan sebagai salah satu elemen sistem pengawasan dengan jaringan aktiviti *Intelligence, Surveillance Target Acquisition and Reconnaissance* (ISTAR) secara *'real time'* dan mampu diintegrasikan ke dalam sistem *Network Centric Operation* ATM yang kini di dalam pembangunan. Keupayaan ini dilihat sebagai '*force multiplier'* bagi memantapkan lagi sistem pemantauan daratan, maritim dan juga ruang udara negara.

NO SOALAN: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) berapa kos pembelian, pemasangan dan penyelenggaraan kamera AES serta berapa jumlah saman yang telah dikutip setakat ini; dan

(b) sejauh mana keberkesanan dalam mengurangkan kemalangan terutama kemalangan maut.

NO SOALAN: 6

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan juga mengurangkan kadar kemalangan, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah lokasi kamera AwAS di lokasi-lokasi kawasan kerap kemalangan. Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan penentuan semula lokasi bagi membuat penambahbaikan dengan mengemas kini kawasan kerap kemalangan berasaskan data-data terkini. Walau bagaimanapun, penambahan kamera ini akan dilaksanakan dan kos pemasangan dan operasi kamera akan ditentukan semasa pemasangan kamera tersebut.

2. Bermula dari 01 September 2018 sehingga 17 April 2019, sebanyak 163,986 saman telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut sebanyak 19,737 saman telah dibayar dengan hasil kutipan sebanyak RM 5,726,400.

3. Secara keseluruhannya, pelaksanaan sistem AwAS berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendidik pemandu untuk mematuhi peraturan jalan raya di kawasan/lokasi terlibat. Antara penemuan-penemuan positif kajian termasuklah:

    (i) Penurunan peratusan jumlah kesalahan pemandu memandu laju yang menyumbang kepada kemalangan maut daripada 24% kepada 13%;

(ii) Peningkatan jumlah pemandu yang mematuhi peraturan had laju daripada 63% sebelum pemasangan kepada 95% selepas pemasangan kamera AwAS;

(iii) Peningkatan jumlah pemandu yang mematuhi peraturan lampu isyarat daripada 96% sebelum pemasangan kepada 98% selepas pemasangan;

(iv) Merekodkan jumlah penurunan jumlah kemalangan secara keseluruhan sebanyak 40% di lokasi kamera had laju (iaitu 85 kemalangan sebelum pemasangan kepada 59 kemalangan selepas pemasangan);

(v) Merekodkan jumlah penurunan jumlah kemalangan secara keseluruhan sebanyak 38% di lokasi kamera lampu isyarat (iaitu 210 kemalangan sebelum pemasangan kepada 130 kemalangan selepas pemasangan); dan

(vi) Peningkatan persepsi ditangkap (POBC) pengguna jalan raya 7.36 (daripada 6.94) di lokasi kamera had laju dan 7.02 (daripada 6.25) dilokasi lampu isyarat sebelum dan selepas pemasangan.

4. Berdasarkan kepada kajian mengenai sikap pengguna jalan raya ke atas pelaksanaan AES oleh MIROS (2015), 88% daripada koresponden menyatakan bahawa mereka akan memandu dengan lebih berhemah sekiranya kamera AES dipasang dalam kawasan mereka, manakala

87% bersetuju bahawa pemandu yang memandu melebihi had laju wajar dikenakan hukuman yang berat untuk mendidik mereka daripada berbuat demikian.

5. Dalam kajian yang dijalankan oleh MIROS dalam tahun 2018, di lokasi persimpangan lampu isyarat yang dipasang kamera AwAS, terdapat penurunan dalam kadar pelanggaran lampu isyarat dua (2) tahun selepas pemasangan kamera berbanding trend kenaikan kemalangan berterusan dalam tempoh empat (4) tahun sebelum kamera dipasang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah permohonan skim perumahan transit belia di Lembah Kelang serta berapa unit rumah transit belia ini akan diserah hak mendiami pada tahun 2019.

NO SOALAN: 7

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Projek Perumahan Transit Belia masih dalam peringkat perancangan dan permohonan bagi program ini masih belum dibuka.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mensasarkan sebanyak 3,648 unit Rumah Transit Belia di 3 lokasi seperti berikut :

   (i) Mukim Kepong, Kuala Lumpur (1,048 unit)
   (ii) Pekan Kuang, Daerah Gombak, Selangor (2,200 unit); dan
   (iii) Mukim Batu, Kuala Lumpur (400 unit).

3. Ketiga-tiga projek ini dijangka akan mula dibina pada penghujung tahun 2019 dan tempoh pembinaan dijangka mengambil masa selama 36 sehingga 48 bulan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan warga emas di setiap Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh negara secara tahunan dari 2014-2018. Sejauh manakah PAWE membantu meningkatkan kualiti hidup Warga Emas (WE) dan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan bilangan PAWE ini agar dapat dinikmati oleh lebih ramai WE.

NO SOALAN: 8

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada YB Senator Tuan Aknan Ehtook pada hari ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Senator Puan Bathmavathi Krishnan pada 30 April 2019 kerana kedua-dua pertanyaan adalah saling berkait dengan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Tan Sri Yang di-Pertua,

PAWE merupakan satu program yang diberi keutamaan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11); "Strategi B5: Menambah baik Persekitaran Warga Emas" di mana Kerajaan akan meneruskan usaha bagi menambah bilangan PAWE dengan sasaran satu Parlimen, satu PAWE (222 Parlimen) dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Sehingga Februari 2019, sebanyak **88** buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh negara dan Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bermula tahun 2018 sehingga 2023 bagi penubuhan PAWE baharu. Pada tahun ini 2019, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan menjadikan bilangan pada akhir tahun 2019 dijangka berjumlah 133 buah PAWE iaitu meliputi 60 peratus sasaran PAWE di kawasan Parlimen.

NO SOALAN: 8

Kementerian sentiasa memastikan penubuhan PAWE mengambil kira keperluan warga emas di komuniti, bilangan atau populasi warga emas, premis yang bersesuaian dan mudah diakses sama ada di kawasan perumahan atau di mana-mana lokasi yang menepati kriteria tersebut.

PAWE juga merupakan program yang semakin mendapat perhatian warga emas di mana bilangan warga emas yang berdaftar dan mengikuti program di PAWE kian meningkat setiap tahun. Pada tahun 2014 seramai **27,059** orang warga emas berdaftar, tahun 2015 seramai **32,617** orang, tahun 2016 seramai **31,615** orang, tahun 2017 seramai **34,764** orang dan tahun 2018 seramai **38,627** orang warga emas telah berdaftar serta mengikuti program dan aktiviti di PAWE.

Berdasarkan kepada Laporan Penilaian *Outcome* PAWE 2016 yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan melibatkan seramai **702** orang warga emas dari **45** buah PAWE mendapati bahawa:

i) **97.4 peratus** warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE berpuas hati dengan aktiviti yang disediakan. Warga emas dapat melakukan pelbagai aktiviti di PAWE mengikut kesesuaian mereka seperti rekreasi, pemeriksaan kesihatan, terapi pemulihan, keagamaan, latihan, sukan dan senaman yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup mereka;

ii) **97.4 peratus** warga emas yang mengikuti aktiviti PAWE dapat menghilangkan rasa kesunyian dan mengurangkan rasa kemurungan di kalangan warga emas;

iii) **96.5 peratus** daripada warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE berasa bahagia mengikuti aktiviti di PAWE; dan

iv) **95.9 peratus** warga emas merasakan aktiviti di PAWE dapat meningkatkan potensi dan bakat mereka.

Sehubungan itu, Program PAWE dapat menyediakan aktiviti harian kepada warga emas melalui program pembangunan dan pengintegrasian. *Outcome* program PAWE adalah selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara iaitu mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

NO SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Akta Dana Politik bagi membiayai aktiviti dan program semasa berkempen.

NO SOALAN: 9

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid bertanyakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Akta Dana Politik bagi membiayai aktiviti dan program semasa berkempen. Saya memohon agar soalan ini dijawab bersekali dengan Soalan No. 23 oleh Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani yang bertanyakan bilakah Kerajaan akan memperkenalkan Akta Pembiayaan politik seperti yang diutamakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 2 Bilangan 2 Tahun 2018 pada 9 Julai 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan penggubalan satu undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik bagi mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan bagi meneliti perkara dasar dan mengkaji undang- undang lain yang berkaitan bagi tujuan penggubalan undang-undang tersebut. Kerajaan mengambil maklum bahawa penggubalan undang- undang ini adalah antara keutamaan Kerajaan yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Sehubungan itu, rang undang- undang ini akan diperkenalkan oleh Kerajaan setelah kajian teliti dasar yang dicadangkan dimuktamadkan bagi memastikan prinsip ketelusan dan mekanisme pelaksanaan yang berkesan.

NO SOALAN: 9

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai projek-projek Kerajaan Persekutuan untuk RMK 11 yang telah diberi keutamaan di Negeri Kelantan.

NO SOALAN: 10

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan dalam Tonggak Ke-3 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe- 11), iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang. Tiga bidang keutamaan yang dinyatakan dalam KSP RMKe-11 ialah:

   (i) Memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah;
   (ii) Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar; dan
   (iii) Mempercepat pembangunan di negeri-negeri yang kurang membangun.

2. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuklah Kelantan. Di bawah *Rolling Plan* 4 (2019) RMKe-11, Kelantan telah diperuntukkan sejumlah RM1.376 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan.

3. Dalam tempoh RMKe-11, bermula pada 2016 sehingga 2019 sejumlah 428 buah projek dengan kos sebanyak RM16.5 bilion telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh pelbagai kementerian di negeri Kelantan.

NO SOALAN: 10

4. Antara projek-projek yang telah dilaksanakan dalam RMKe-11 di Negeri Kelantan adalah seperti berikut:

Projek yang telah siap dilaksanakan, iaitu:

(i) Pembinaan Hospital Kuala Krai bernilai RM 304.7 juta; dan

(ii) Pembinaan Politeknik Jeli bernilai RM 164.1 juta

Projek yang dalam pelaksanaan, iaitu:

(iii) Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan (Pakej 2C & 3A : Kok Lanas ke Bukit Tiu) bernilai RM 641.2 juta; dan

(iv) Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Dan Rangkaian Paip Pembetungan di Tunjong bernilai RM 539.6 juta.

5. Selain itu, YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang juga merangkap Pengerusi Majlis Tindakan Negeri Kelantan dalam lawatan kerja beliau ke Kelantan pada 7 Mac 2019, telah mengumumkan lima (5) projek yang akan dilaksanakan mulai tahun 2019 melalui peruntukan pembangunan dan inisiatif swasta. Projek-projek tersebut adalah Membesar dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di Pengkalan Chepa, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3), Lebuhraya Central Spine Road (CSR), Jambatan Palekbang dan Jalanraya Pasir Putih-Machang- Jeli.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa pengambilan pelajar-pelajar baru kolej vokasional dibekukan.

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional bermula pada tahun 2012 dengan menyediakan program peringkat diploma selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi peluang kepada murid yang mempunyai kecenderungan dalam bidang kemahiran dan teknologi untuk memenuhi tenaga kerja industri negara.

KPM komited untuk memastikan program TVET yang ditawarkan adalah berkualiti menerusi penyelarasan dasar pengoperasian, pembangunan prasarana fizikal dan penyediaan fasiliti, program pengurusan akademik yang terancang dan efektif untuk kemenjadian murid, pengurusan sumber kewangan, pentadbiran dan hal ehwal murid yang berkesan dan pembangunan profesionalisme berterusan terancang untuk guru dan pegawai.

Pada Januari 2019, KPM telah menangguhkan pengambilan pelajar bagi 287 program peringkat Sijil Vokasional Malaysia di kolej vokasional. Penangguhan tersebut adalah bertujuan untuk;

1. proses penjaminan kualiti program yang ditawarkan; dan
2. memperoleh pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

NO SOALAN: 11

Langkah ini diambil untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar setelah tamat pengajian nanti. Sejajar dengan keperluan semasa dan selari dengan dasar Kerajaan baharu, KPM telah memutuskan untuk membawa beberapa penambahbaikan dalam program-program yang ditawarkan di Kolej Vokasional. Ini termasuklah memastikan setiap program yang ditawarkan memperoleh akreditasi yang sewajarnya, melalui MQA atau JPK, sekaligus meningkatkan tahap kebolehpasaran pelatih kelak.

KPM berpandangan selepas tujuh (7) tahun program peringkat Diploma Kolej Vokasional diperkenalkan, sudah tiba masanya program-program yang ditawarkan di Kolej Vokasional memberi keutamaan kepada standard pendidikan yang tinggi selaras dengan hasrat melahirkan pelatih yang berkualiti tinggi. Langkah-langkah penambahbaikan ini telah dibincangkan dan diberi pertimbangan mendalam sejak Mei 2018 yang lalu dan telah melalui beberapa siri perbincangan dengan pelbagai pemegang taruh. KPM juga telah mengadakan perbincangan bersama-sama para ibu bapa, pelajar-pelajar dan kesatuan guru serta pihak industri mengenai program di Kolej Vokasional.

Majoriti pemegang taruh menyambut baik hasrat KPM untuk membawa penambahbaikan yang relevan demi kepentingan pelajar dan negara. Justeru, KPM ingin menjelaskan bahawa langkah-langkah penambahbaikan ini diambil khususnya penangguhan pengambilan pelajar bagi tujuan persediaan dan memenuhi keperluan akreditasi MQA dan JPK untuk memastikan program yang ditawarkan adalah program yang bermutu dan berkualiti serta dapat dibawa ke tahap yang lebih tinggi bagi memenuhi permintaan industri.

NO SOALAN: 11

Sekali lagi, KPM ingin menegaskan bahawa menjadi hasrat utama KPM bagi memastikan persijilan dan piawaian industri dipatuhi dan dijadikan rujukan utama dari aspek kebolehpasaran, peningkatan kemahiran dan penambahbaikan kurikulum.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak YB Bagan menjadi Menteri Kewangan, berapakah jumlah jawatan pegawai bertaraf kontrak serta grednya telah diambil bertugas bagi membantu menteri melaksanakan tugas.

NO SOALAN: 12

JAWAPAN

Pelantikan pegawai-pegawai di Pejabat Menteri Kewangan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 (Perjawatan dan Urusan Perkhidmatan Di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri) yang berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2018 bertujuan untuk mendapatkan kepakaran pegawai-pegawai bagi memastikan kelancaran dalam melaksanakan tanggungjawab dan agenda pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan serta membantu urusan pentadbiran di Pejabat Menteri Kewangan. Seramai enam (6) orang pegawai telah dilantik melalui kaedah Kontrak Perkhidmatan (*Contract of Service* – COS) yang mengisi perjawatan melibatkan jawatan berikut:-

i. Setiausaha Sulit Kanan Gred M54 – 1 orang;
ii. Pegawai Tugas-Tugas Khas Gred 54 (Terbuka) – 2 orang;
iii. Setiausaha Akhbar Gred 54 (Terbuka) – 1 orang;
iv. Pegawai Tugas-Tugas Khas Gred 52 (Terbuka) – 1 orang; dan
v. Setiausaha Sulit Gred N44 – 1 orang.

Tambahan daripada set perjawatan tersebut, Pejabat Menteri Kewangan juga telah melantik seramai 2 orang pegawai dengan kaedah Kontrak Untuk Perkhidmatan (*Contract For Service* – CFS).

NO SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah anggaran jangka masa siap pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat yang menghubungkan Taiping, Perak dengan Banting, Selangor yang dapat membuka peluang ekonomi kepada penduduk di kawasan jajarannya.

NO SOALAN: 13

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerja-kerja pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya WCE sepanjang 313 kilometer ini telah dibahagikan kepada 2 kaedah, iaitu seperti berikut:

(a) kaedah penswastaan bertol: kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh pihak konsesi WCE Sdn. Bhd., iaitu melibatkan jajaran baharu sepanjang 233 kilometer, bermula dari Jalan B18 Banting – KLIA, dan berakhir di Persimpangan Bertingkat Tanjong Karang, Selangor. Manakala di negeri Perak pula, ia bermula dari Jambatan Sungai Bernam di Hutan Melintang dan berakhir berhampiran di Plaza Tol Changkat Jering Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS);

(b) kaedah konvensional JKR: iaitu melibatkan skop menaik taraf Jalan Persekutuan 5 atau FR5 yang sedia ada sepanjang 81.5 kilometer, bermula dari Tanjong Karang, Selangor ke Hutan Melintang, Perak (50 kilometer) dan dari Teluk Intan, ke Kampung Lekir, Perak (31.5 kilometer).

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, status kemajuan kerja pembinaan bagi projek Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (Banting Ke Changkat Jering, Taiping) berakhir 25 Mac 2019 adalah 61%. Aktiviti pembinaan lebuh raya kini sedang giat dilaksanakan yang melibatkan

seperti kerja- kerja pembersihan tanah, kerja-kerja penambakan tanah, kerja pembinaan struktur jambatan, kerja penurapan jalan dan kerja pemasangan perabot jalan. Lebuhraya ini dijangka akan disiapkan dan dibuka secara berperingkat pada seawal suku ketiga tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status permohonan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kipouvo di kawasan Penampang memandangkan permohonan pembinaan sekolah ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum PRU-14.

NO SOALAN: 14

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kipouvo telah diluluskan dalam RMKe-11. Skop pembinaan sekolah ini meliputi pembinaan sekolah baharu 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan berkaitan termasuk kemudahan asrama yang boleh menampung 400 orang murid. Untuk makluman, status semasa pelaksanaan projek adalah di peringkat pra-bina. Projek ini telah selesai mendapat kelulusan Kebenaran Merancang Bersyarat daripada Majlis Daerah Penampang pada 12 Februari 2019. Persediaan pelaksanaan untuk perolehan sedang dijalankan melalui semakan dokumen tender.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memajukan dan menambah baik sistem pengangkutan awam di seluruh Negara. Apakah sasaran penggunaan pengangkutan awam yang telah ditetapkan menjelang 2020 memandangkan bilangan kenderaan semakin meningkat.

NO SOALAN: 15

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Bagi menambahbaik sistem pengangkutan awam negara di bandar dan di luar bandar, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif merangkumi aspek penjimatan kos kepada pengguna, perluasan kawasan liputan rangkaian bas, pengawalseliaan perkhidmatan teksi dan e-*hailing* serta pemantauan berterusan terhadap projek dalam pelaksanaan.

2. Melalui penjimatan kos kepada pengguna pengangkutan awam, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif langganan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah kendalian syarikat Prasarana Malaysia Berhad. Dengan hanya membayar RM100 bagi MY100 atau RM50 bagi MY50, pengguna rel dan bas boleh menikmati perjalanan tanpa had selama sebulan. Pada 1 April 2019, Kerajaan telah memperkenalkan diskaun tambang perjalanan sebanyak 20 peratus melalui program Kad XTRA20 bagi perkhidmatan KTM Komuter di sektor Lembah Klang, Selatan dan Utara kendalian Keretapi Tanah Melayu Berhad. Pengguna XTRA20 hanya perlu membayar RM5 bagi pembelian kad XTRA20 untuk mendapat manfaat penjimatan diskaun tersebut.

3. Bagi memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam di kawasan bandar dan petempatan penduduk, Kerajaan juga telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan pengangkutan awam.

Sebagai contoh, Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan 2 laluan baharu perkhidmatan bas percuma GoKL di Kuala Lumpur iaitu Laluan Jingga (Titiwangsa-MINDEF) mulai 28 Februari 2019 dan Laluan Merah Jambu (LRT Universiti-PPR Seri Pantai) mulai 1 April 2019. Kerajaan juga sedang mengkaji perluasan kawasan liputan pengangkutan awam di negeri-negeri lain melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

4. Bagi memberikan kesaksamaan dan keseimbangan antara industri teksi dan industri e-*hailing*, Kerajaan telah merancang dan sedang melaksanakan penambahbaikan seperti (i) membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan teksi, (ii) lanjutan tempoh pemeriksaan berkala PUSPAKOM dan pengurangan kos kepada pemandu, (iii) penggunaan tambang dinamik bagi perkhidmatan teksi yang mengambil penumpang melalui tempahan aplikasi e-*hailing* selain tambang meter secara *"street hail"*, (iv) penetapan kadar komisen maksima 10 peratus oleh syarikat e-hailing kepada pemandu teksi bagi setiap trip, (v) memperkenalkan modul latihan bari kepada pemandu teksi yang ingin memohon lesen vokasional, dan (vi) menggalakkan pemandu teksi mencarum di dalam Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri di bawah PERKESO.

5. Kerajaan juga terus komited dalam memastikan pembangunan projek-projek pengangkutan awam berjalan lancar. Sebagai contoh, MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang sedang dalam pembinaan dijangka siap pada tahun 2022 manakala projek LRT3 (Bandar Utama-Klang) dijangka siap pada tahun 2024. Pada 15 April

2019, Kerajaan telah mengumumkan untuk meneruskan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Rail Link, ECRL)* dengan kos RM44 bilion, dijangka siap pada Disember 2026.

6. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah menetapkan sasaran tahunan sebanyak purata harian 1.3 juta penumpang pengangkutan awam di Greater KL/Lembah Klang. Manakala sasaran bagi tahun 2020 belum ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah sasaran pengurangan kakitangan awam yang ingin dicapai dan agensi apakah yang dijangka terlibat.

NO SOALAN: 16

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan memberi kesan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat.

Kerajaan menyasarkan pengurangan sebanyak 1% perjawatan bagi tahun 2019 melibatkan pelbagai gred dan skim perkhidmatan dengan anggaran penjimatan sebanyak RM2.18 bilion. Perjawatan yang dikenal pasti untuk dimansuhkan ini antaranya jawatan kosong yang tidak diperlukan, jawatan di agensi yang mempunyai pertindihan fungsi, pemansuhan jawatan bagi perkhidmatan yang boleh diautomasi dan diserah urus fungsi (*outsourcing*) serta perkhidmatan alternatif.

Sehubungan itu, Kerajaan menjangkakan ianya tidak akan memberi kesan kepada tugas-tugas sedia ada memandangkan jawatan-jawatan yang dimansuhkan ini merupakan jawatan yang tidak diperlukan dan tidak melibatkan penyandang sedia ada. Tiada pengurangan kakitangan awam dalam pelaksanaan dasar ini.

Buat masa ini, Kerajaan sedang mengkaji dan mengenal pasti mana-mana agensi Kerajaan yang mempunyai pertindihan fungsi dan yang berpotensi

untuk diswastakan bagi mengurangkan peningkatan perbelanjaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, senarai agensi yang terlibat masih belum dimuktamadkan mengambil kira pelbagai faktor yang perlu dikaji secara menyeluruh terutamanya yang melibatkan implikasi perundangan dan perkhidmatan awam keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah fokus utama Kementerian dalam usaha meningkatkan kembali harga sawit dan getah

NO SOALAN: 17

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberikan fokus yang tinggi terhadap usaha-usaha menstabilkan harga komoditi sawit dan getah. Antara usaha yang telah membuahkan hasil adalah seperti berikut:

(a) mengadakan kempen “Sayangi Sawitku” sepanjang tahun 2019. Majlis pelancaran rasmi kempen ini telah diadakan pada 24 Mac 2019 di Ladang East Sime Darby Plantation, Pulau Carey dan telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Pelbagai program dan aktiviti telah diatur sepanjang tahun ini bagi menjayakan kempen “Sayangi Sawitku”;

(b) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan Program Biodiesel B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) mulai 1 Julai 2019 bagi sektor industri. Implementasi program ini membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit domestik dalam negara dengan anggaran peningkatan sebanyak 761,000 tan setahun; dan

(c) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara beberapa buah Syarikat Malaysia bersama Syarikat China bersempena Forum Perniagaan Minyak Sawit Malaysia-China di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur pada 4 Mac 2019. Hasil perjanjian ini akan meningkatkan

jumlah pengambilan minyak sawit Malaysia oleh China iaitu sebanyak 1,074,000 tan metrik.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi komoditi getah pula, kerajaan telah menjalankan usaha-usaha berikut:

(a) mengimbangi stok di pasaran dunia untuk meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek melalui instrumen *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang dipesetujui semasa menghadiri Mesyuarat *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) peringkat pegawai pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand. Hasil mesyuarat ini, ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju untuk menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan; dan

(b) meningkatkan penggunaan getah dalam negara sehingga 10% daripada jumlah pengeluaran getah asli semasa. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing* dan lain-lain. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun ini bagi membina jalan berasaskan getah sekerap. Untuk makluman, dengan peruntukan sebanyak RM100 juta ini, sepanjang 200 kilometer jalan dapat diselenggarakan dengan turapan *Cuplump Modified Bitumen* (CMB). Projek ini akan menggunakan 2.1 tan Kandungan Getah Kering (KGK) bagi setiap 1 kilometer dan ini bersamaan dengan 420 tan KGK bagi 200 kilometer

jalan raya.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap usaha untuk menambah baik Parlimen Malaysia melalui inisiatif Reformasi Dewan Negara.

NO SOALAN: 18

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff bertanyakan pendirian Kerajaan terhadap usaha untuk menambah baik Parlimen Malaysia melalui inisiatif Reformasi Dewan Negara. Saya memohon agar soalan ini dijawab bersekali dengan Soalan No. 32 oleh Yang Berhormat Dato' Isa Bin Ab. Hamid yang bertanyakan usaha Kerajaan dalam mereformasi Dewan Negara bagi memperkasakan institusi Parlimen Malaysia.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan meneliti cadangan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Senator sendiri. Walaubagaimana pun, Kerajaan berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan secara menyeluruh berdasarkan peruntukan perundangan sedia ada. Sekiranya terdapat keperluan untuk pindaan terhadap perundangan sedia ada, tatacara tersebut akan melalui proses perundangan dan dibawa ke Parlimen untuk diputuskan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AKNAN EHTOOK**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) bilangan pemegang AP dan kuantiti yang dibenarkan untuk pengimportan bahan buangan plastik yang masih dalam tempoh sah laku; dan

(b) apakah jaminan yang Kementerian berikan bahawa langkah yang diambil adalah berkesan bagi memastikan kuantiti yang tidak dapat di kitar semula dilupuskan dengan cara yang tidak akan mencemarkan alam sekitar.

NO SOALAN: 19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 8 April 2019, sebanyak 45 syarikat telah diberi Lesen Import (AP) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bagi mengimport skrap plastik di bawah kod tarif HS 3915. Kesemua 45 syarikat tersebut telah berjaya mematuhi dan melepasi syarat-syarat baharu pengimportan skrap plastik serta pemeriksaan premis di lapangan oleh pegawai pemeriksa KPKT.

2. Jumlah pemegang AP mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan Syarikat
1.	Selangor	16
2.	Pulau Pinang	14
3.	Johor	8
4.	Kedah	3
5.	Negeri Sembilan	3
6.	Perak	1
JUMLAH		**45**

Jumlah kapasiti import semasa diluluskan kepada 45 syarikat tersebut adalah sebanyak 49,374 tan/bulan atau bersamaan 592,488 tan/tahun.

Soalan (b)

3. Pada 26 Oktober 2018, KPKT telah menguatkuasakan syarat-syarat baharu permohonan lesen import (AP) skrap plastik HS Kod 3915 bagi memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara. Antara syarat utama yang dikenakan ke atas pengimport agar industri ini tidak menjejaskan kesihatan dan alam sekitar adalah skrap plastik yang dijana daripada kilang perindustrian dan *post-consumer waste* yang *homogeneous*, bersih dan bernilai tinggi sahaja dibenarkan diimport. Syarikat juga perlu mendapat kelulusan pematuhan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Di bawah peruntukan AKAS 1974, pihak syarikat dikehendaki melantik orang yang berwibawa (*competent person*) bagi melaksanakan tanggungjawab pemantauan dan pengoperasian kilang secara *self regulate* agar premis sentiasa mematuhi standard yang ditetapkan seperti berikut:

(i) pengendalian kelengkapan kawalan pencemaran;
(ii) pengurusan buangan terjadual;
(iii) menjalankan kajian berkaitan alam sekitar; dan
(iv) penyediaan dan pengemukaan dokumen yang berhubungan dengan perkara alam sekeliling.

4. Dengan pelantikan *competent person*, operasi pemprosesan skrap plastik import akan sentiasa diuruskan secara lebih teratur dan terurus di premis selaras dengan peraturan perundangan semasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah pengurusan TH yang terkenal dengan kecekapan mereka tidak diberi peluang untuk mengurus tadbir sendiri tanpa campur tangan daripada pihak luar. Kenapakah sehingga kini TH gagal untuk mengisytiharkan hibah yang biasanya sebelum ini dilakukan pada hujung Februari atau awal bulan Mar.

NO SOALAN: 20

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa terdapat campur tangan pihak luar dalam pengurusan Lembaga Tabung Haji (***TH***) adalah tidak benar sama sekali. Pelantikan pengurusan ***TH*** yang baru adalah terdiri daripada golongan profesional muslim yang mempunyai pengalaman luas serta diyakini mampu untuk memberi sumbangan melalui kepakaran dalam bidang masing-masing demi untuk kesinambungan ***TH*** dalam memacu kejayaan ekonomi ummah dan pengurusan haji terbilang.

Manakala perlantikan Anggota Lembaga Pengarah ***TH*** adalah sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 6(1) Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk melantik Pengerusi dan Anggota Lembaga Pengarah ***TH.*** Akta tersebut memperuntukkan bahawa keanggotaan Lembaga Pengarah ***TH*** hendaklah terdiri daripada:-

a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri;
b) seorang wakil Jabatan Perdana Menteri;
c) seorang wakil Perbendaharaan; dan
d) tidak lebih daripada tujuh (7) orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Justeru, pelantikan pengurusan ***TH*** adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Akta ***TH*** berkenaan.

NO SOALAN: 20

Ahli Yang Berhormat, seterusnya adalah mengenai pengumuman hibah ***TH*** bagi tahun 2018. Untuk makluman, ***TH*** telah mengumumkan pengagihan hibah pada Jumaat, 5 April 2019 yang lalu. Pengagihan hibah adalah pada kadar 1.25 peratus membabitkan pembayaran berjumlah RM913 juta kepada 9.3 juta pendepositnya.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ONG CHONG SWEN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana dan sejauh mana YB Menteri telah membawa agenda reformasi memperkasa status wanita dari segi undang-undang di Malaysia memandangkan YB Menteri juga merupakan YAB Timbalan Perdana Menteri.

NO SOALAN: 21

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda memperkasa wanita dari semasa ke semasa dari pelbagai aspek terutamanya dari segi ekonomi, pembuat keputusan di sektor awam dan korporat serta kepimpinan adalah selari dengan komitmen antarabangsa Kerajaan terhadap Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan juga Dasar Wanita Negara. Dalam usaha untuk mencapai kesaksamaan gender dengan menyediakan persekitaran yang selamat kepada wanita, Kementerian sedang menyediakan draf undang-undang gangguan seksual untuk menangani kelemahan dalam perundangan dan peraturan sedia ada berhubung gejala gangguan seksual secara lebih komprehensif.

Kementerian turut telah menubuhkan *Special Project Team* untuk meneliti dan mewujudkan kerangka perundangan berkenaan kesaksamaan gender bertujuan untuk memastikan setiap individu dapat menikmati hak dan peluang yang saksama tanpa sebarang diskriminasi berasaskan gender di Malaysia. Pewujudan perundangan ini turut bertujuan untuk menyediakan *special temporary measures,* dengan izin untuk menangani isu-isu berkaitan wanita seperti penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dan juga pemerkasaan wanita dalam ekonomi serta tenaga buruh.

Kementerian juga sentiasa menyokong dan terlibat dalam usaha-usaha Kementerian/Agensi/Jabatan lain yang sedang dalam proses untuk melakukan pindaan terhadap undang-undang bagi mengatasi cabaran dan

isu yang dihadapi oleh wanita di Malaysia. Terkini, Kementerian Sumber Manusia sedang memperhalusi pindaan bagi Akta Kerja 1955 untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh wanita di tempat kerja bagi menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi memastikan wanita menjadi guna tenaga yang produktif.

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda kesaksamaan gender perlu dicapai seperti yang termaktub dalam Pekara 8, Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara. Penggubalan undang-undang baharu sahaja tidak memadai dan kurang berkesan sekiranya setiap agensi Kerajaan dan rakyat Malaysia tidak memahami prinsip kesaksamaan gender dan tiada diskriminasi berasaskan gender. Sehubungan itu, tanggungjawab memperkasakan wanita di Malaysia untuk mencapai kesaksamaan gender adalah tanggungjawab bersama dan tidak terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata.

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pengambilan pelajar guru mengikut kaum dan bidang pengajian bagi tiga tahun kebelakangan ini dan unjuran pengambilan bagi tahun 2019 untuk program PISMP yang akan ditawarkan oleh IPG di seluruh negara.

NO SOALAN: 22

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ke Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah berdasarkan unjuran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi bekalan guru sekolah rendah mengikut jenis sekolah di seluruh Malaysia. 17 bidang atau opsyen ditawarkan oleh IPG kepada pelajar PISMP bagi memenuhi keperluan bekalan guru.

KPM melalui IPG melaksanakan proses pengambilan mengikut proses yang telah ditetapkan dan statistik pengambilan pelajar PISMP ke IPG bagi tahun 2016 adalah seramai 1,574 orang, tahun 2017 adalah seramai 2,331 orang dan tahun 2018 adalah seramai 2,187 orang. Statistik pengambilan pelajar PISMP ke IPG bagi tahun 2018 mengikut kaum adalah seperti berikut:

1. Melayu seramai 1435 pelajar;
2. Cina seramai 376 pelajar;
3. India seramai 114 pelajar;
4. Bumiputera Sabah dan Sarawak seramai 237 pelajar
5. Orang Asli Semenanjung seramai 15 pelajar; dan
6. Lain-lain kaum seramai 10 pelajar.

Untuk makluman, unjuran keperluan guru jangka panjang yang dibuat ialah untuk menganggarkan keperluan guru dalam tempoh 5 hingga 10 tahun ke hadapan. Bagi tahun 2019, unjuran ambilan latihan PISMP yang telah

diluluskan ialah sebanyak 6,000 iaitu untuk mengisi kekosongan guru yang bersara paksa pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' CHAI KIM SEN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan penarafan Indeks Syariah Malaysia yang telah diusahakan sejak 2014 dan apakah justifikasi untuk meneruskan indeks tersebut.

NO SOALAN: 23

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menguruskan pentadbiran Islam di Malaysia, Kerajaan komited melaksanakan tiga gagasan pentadbiran iaitu *Rahmatan lil Alamin*, Maqasid Syariah dan Model Malaysia. Bagi memastikan tiga gagasan ini dapat dilaksanakan secara efektif, Kerajaan sedang meniliti kaedah pengukuran impak yang akan dilaksanakan.

Ia merupakan kaedah yang ditambah baik secara keseluruhan berdasarkan kepada kaedah pengukuran Indeks Syariah Malaysia yang telah dilaksanakan sebelum ini. Kaedah ini akan diperkukuhkan lagi dari segi *substance* dan elemen teras, penjenamaan, metodologi dan instrumen kajian.

Pengukuran ini sebahagian daripada penilaian berstrategi bagi elemen Maqasid Syariah. Ia perlu dilaksanakan untuk memandu pembangunan negara supaya nilai-nilai *Rahmatan Lil Alamin* iaitu keadilan, keamanan dan kesejahteraan hidup dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. YAAKOB BIN SAPARI**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah golongan B40 yang telah menerima bantuan kewangan bulanan dari tahun 1999 hingga 2019. Nyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengurangkan golongan B40.

NO SOALAN: 24

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan salah satu Kementerian yang bertanggungjawab memastikan golongan B40 terus dibantu bagi meningkatkan pendapatan isi rumah golongan ini. Kumpulan B40 merupakan golongan yang berpendapatan seisi rumah dengan pendapatan purata bulanan RM3,860.00. KPWKM memberi fokus golongan B40 yang berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional dengan menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini kerana, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Bagi memastikan kebajikan masyarakat terjamin, jumlah perbelanjaan dan penerima bantuan dari tahun 2008 sehingga 2019 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Bil. Penerima Bantuan	Perbelanjaan (RM)
2008	221,602	371,214,940
2009	353,889	758,801,563
2010	424,526	1,195,454,944

2011	473,928	1,352,739,117
2012	514,066	1,472,064,853
2013	492,676	1,542,312,172
2014	492,607	1,461,518,435
2015	487,185	1,529,600,629
2016	462,322	1,529,225,504
2017	478,677	1,523,943,866
2018	501,928	1,697,971,481
2019 (sehingga Februari)	489,113	298,786,044

Bagi mengurangkan golongan B40 yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan pada jangka masa pendek, JKM telah menyediakan bantuan kewangan bulanan bagi membantu mengurangkan bebanan golongan ini. Bantuan kewangan bulanan yang disediakan kepada kepada golongan yang berkelayakan dan memerlukan adalah seperti berikut:

1. **Bantuan Kanak-kanak**, dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka.

2. **Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja**, dengan kadar RM250 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang tidak berupaya bekerja kerana keadaan kecacatan mereka yang teruk dan tidak berupaya bekerja.

3. **Elaun Pekerja Cacat**, dengan kadar RM400 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang sedang bekerja yang pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai insentif supaya mereka terus bekerja.

4. **Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar**, dengan kadar RM350 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga Orang Kurang Upaya Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti.

5. **Bantuan Orang Tua**, dengan kadar RM350 sebulan dipertimbangkan kepada warga emas yang tidak mempunyai pendapatan untuk meneruskan kehidupan harian.

6. **Bantuan Am Persekutuan**, dengan kadar RM100 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasar lain yang memerlukan.

7. **Bantuan Latihan Perantis**, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada semua kumpulan sasar JKM yang bersedia untuk mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang.

8. **Bantuan Anak Pelihara**, dengan kadar RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga bagi meringankan tanggungan

keluarga pelihara yang sanggup menjaga anak-anak pelihara seperti anak sendiri.

Manakala untuk jangka panjang pula, Bantuan Geran Pelancaran, dengan kadar RM2,700 sekali gus dipertimbangkan kumpulan sasar JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selama-lamanya.

NO SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN NGA HOCK CHEH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Nga Hock Cheh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Seksyen 377A Kanun Keseksaan sedang dikaji semula untuk tujuan memansuhkan seksyen tersebut

NO SOALAN: 25

JAWAPAN

Pada masa kini tiada sebarang kajian semula dibuat untuk tujuan memansuhkan seksyen 377A Kanun Keseksaan.

NO SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah kemudahan dan galakan disediakan oleh Kerajaan bagi membantu golongan OKU yang berminat menjadi digital solopreneur.

NO SOALAN: 26

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif yang bersifat inklusif dan berdaya saing bagi menyokong agenda ekonomi negara dan mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan bersepadu. Inisiatif yang diambil oleh MED adalah menyeluruh meliputi semua golongan termasuk golongan B40, belia, wanita dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Dalam konteks 'soloprenuer' atau usahawan yang bergerak secara bersendirian (solo) atau secara 'freelance' ini, galakan sewajarnya akan diberikan meliputi sebarang bentuk fasilitasi dan sokongan termasuklah dalam merangka program-program usahawan yang turut mensasarkan golongan OKU berdasarkan keupayaan yang dimiliki untuk memastikan mereka juga ke hadapan setanding usahawan lain.

Pada masa kini, bantuan kepada OKU untuk menceburi bidang keusahawanan ada ditawarkan oleh agensi di bawah MED, iaitu TEKUN. Program TEKUN Second Chance dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dilaksanakan sejak tahun 2013. Sehingga 31 Mac 2019, jumlah keseluruhan pembayaran yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM6,188,500 yang melibatkan seramai 369 usahawan.

Selain itu, melalui program Tunas Usahawan Belia (TUBE) 6.0 yang baru dilancarkan di bawah SMECorp, golongan OKU turut diperuntukan 30

tempat daripada keseluruhan 500 tempat yang ditawarkan. Sejak pelaksanaan TUBE, sebanyak 28 peserta OKU telahpun mengikuti dan mendapat manfaat daripada program TUBE ini dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Melalui kerjasama dengan MDeC, peserta juga akan diberikan pendedahan mengenai aspek perniagaan digital.

MED turut menggalakkan golongan OKU ini bagi menggunakan teknologi terkini dalam menjalankan perniagaan atas talian bagi tujuan mempromosikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Golongan OKU ini boleh mengikuti program latihan dan inisiatif digital yang ditawarkan oleh Kerajaan berdasarkan keupayaan dan kemahiran yang dimiliki.

Bagi memperluaskan agenda Kerajaan dalam memberikan akses kepada usahawan dan bakal usahawan bagi menerokai peluang perniagaan secara digital, MED turut merancang beberapa siri latihan bagi meningkatkan kapasiti dan kemahiran.

MED dengan kerjasama TEKUN Nasional dan INSKEN turut melaksanakan projek fertigasi yang menggunakan teknologi terkini (automasi) yang boleh diterokai oleh golongan OKU. Dalam hal ini, MED akan memastikan peluang tersebut turut dinikmati oleh golongan OKU dalam usaha meningkatkan daya saing golongan ini dalam bidang keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Siti Fatimah binti Yahaya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah benar Kolej Komuniti Kuala Lipis akan ditutup dan jika benar, apakah kewajaran di sebalik langkah tersebut

NO SOALAN: 27

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Komuniti Lipis tidak akan ditutup tetapi dikecilkan pengoperasian selaras dengan penjimatan peruntukan kerajaan. Belanja mengurus yang diperuntukan semakin meningkat dari tahun ke tahun berbanding tren kemasukan pelajar yang tidak menggalakkan. Perkara ini tidak memberi kos yang efektif bagi pengoperasian Kolej Komuniti Lipis.

Selaras dengan itu, bermula tahun 2020, Kolej Komuniti Lipis hanya akan menawarkan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH) kepada komuniti setempat. Seramai 2,674 orang pelajar telah mengikuti program PSH dari tahun 2016-2018 dalam pelbagai bidang. Program PSH ini diyakini dapat membantu komuniti setempat dalam meningkatkan kemahiran dan pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK PAUL IGAI**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang pendaftarannya telah di tangguh beberapa bulan yang lalu dan kini telah pulih semula.

NO SOALAN: 28

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada 1 Jun 2018, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah digantung perlembagaannya di bawah Seksyen 20(1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109] melalui Perintah Penggantungan Perlembagaan Pertubuhan Peladang bertarikh 28 Mei 2018.

Sepanjang tempoh penggantungannya, NAFAS ditadbir dan diurus oleh lapan orang Pentadbir di bawah Seksyen 23 Akta Pertubuhan Peladang 1983 [Akta 109]. Ini bagi memastikan pentadbiran dan urusan perjalanan NAFAS berjalan seperti biasa sepanjang tempoh penggantungan.

Perintah Menarik Balik Perintah Penggantungan Perlembagaan NAFAS telah diisytiharkan berkuatkuasa mulai 15 Januari 2019.

Pemakluman pengumuman Perintah Menarik Balik Perintah Penggantungan Perlembagaan NAFAS telah dikeluarkan pada 21 Disember 2018 kepada semua Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembanguan Wilayah Sarawak (MANRED), Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Ketua Pentadbir NAFAS.

NO SOALAN: 28

Kini, NAFAS ditadbir urus berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditambahbaik dan mempunyai kumpulan pengurusan yang lebih profesional dan cekap bagi memastikan pentadbiran yang lebih efektif.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah cadangan Kerajaan untuk membuat beberapa pindaan untuk penambahbaikan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 supaya ia selaras dengan pembangunan dan perubahan semasa masyarakat Orang Asli.

NO SOALAN: 29

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974 . Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mendaftarkan Akta 134 ke dalam senarai Akta untuk pindaan oleh pihak Kerajaan yang dipantau oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) pada Januari 2019.

Cadangan pindaan Akta 134 berkenaan akan ditambahbaik dengan mengambil kira isu-isu dan keperluan semasa yang menyentuh masyarakat Orang Asli seperti laporan daripada Pasukan Petugas Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli berhubung Hak Tanah Orang Asal / Asli SUHAKAM. Antara cadangan pindaan Akta 134 adalah untuk menyediakan peruntukan perundangan untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli, menyediakan definisi Orang Asli secara menyeluruh, mengambil kira hak-hak utama Orang Asli dalam *Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDRIP), menyediakan mekanisme penyelesaian sekiranya berlaku pencabulan terhadap hak-hak Orang Asli, perluasan pewartaan tanah Orang Asli dan kaedah pampasan berdasarkan keputusan-keputusan mahkamah yang telah diputuskan, Konsep Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT) dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan perlindungan Pengetahuan Tradisi Orang Asli. Selain itu Jabatan juga akan meneliti isu-isu berbangkit seperti pertindihan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan kawasan penempatan Orang Asli termasuk pegiktirafan tanah adat yang dituntut oleh masyarakat Orang Asli.

NO SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah bekalan dan permintaan rumah mampu milik sejak 2015 hingga sekarang serta nyatakan jumlah rumah yang telah diserah milik kepada pembeli.

NO SOALAN: 30

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah bergantung kepada permintaan pembangunan rumah mampu milik yang dipohon oleh pihak Kerajaan Negeri.

2. Bagi pelaksanaan PPR, dari tahun 2001 sehingga April 2019 secara keseluruhannya KPKT telah menyiapkan sebanyak 134 projek (88,524 unit) PPR di seluruh negara, manakala 42 projek (17,447 unit) sedang dalam pembinaan dan 19 projek (8,381 unit) masih dalam peringkat perancangan.

3. Daripada jumlah tersebut, KPKT telah menyediakan sebanyak 12,072 unit rumah PPR Dimiliki (Dijual) di seluruh negara di mana 8,758 unit telah diserah milik (Dijual) kepada pembeli manakala baki 3,314 unit lagi sedang dalam proses pengisian.

4. Melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta yang mula dilaksanakan pada tahun 2014, sejumlah 46 projek perumahan yang melibatkan 7,849 unit rumah telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 4,354 unit telah dijual kepada pembeli yang berkelayakan.

5. Pihak KPKT juga sedang membangunkan pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*) selaras dengan Pelan

Tindakan bagi Strategi 5.1 dalam Fokus 5, Dasar Perumahan Negara (2018-2025) iaitu memperkemaskan data dan menangani jurang data untuk memajukan penyelidikan perumahan negara agar lebih *reliable* dan komprehensif.

6. Bagi Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), sehingga kini Kementerian telah menyiapkan sebanyak 85 projek (11,583 unit), manakala sebanyak 125 projek (23,638 unit) dalam peringkat pembinaan dan sebanyak 51 projek (16,976 unit) masih dalam peringkat pra pembinaan. Daripada jumlah tersebut sehingga 15 April 2019 sebanyak 20,319 pemohon telah menandatangani perjanjian jual beli rumah PPAM.

7. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 254 projek melibatkan 268,537 unit kediaman PR1MA di seluruh negara. Pada masa ini PR1MA sedang menumpukan kepada 94 projek yang telah ditandatangani perjanjian dengan pihak pemaju melibatkan 94,191 unit.

8. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga merupakan salah satu agensi pelaksana dalam penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) di mana SPNB telah mensasarkan untuk membina sejumlah 95,000 unit RMM di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK NG CHIANG CHIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak Januari 2019 berikutan dengan tawaran diskaun bayaran balik PTPTN sebanyak 20 peratus tidak lagi dilanjutkan selepas Disember 2018.

NO SOALAN: 31

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 sehingga Februari, jumlah bayaran balik yang telah diterima oleh PTPTN adalah sebanyak RM358,427,182.45. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM183,225,462.56 adalah kutipan untuk bulan Januari 2019 dan RM173,201,719.45 adalah bagi bulan Februari 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI @ ABBAS**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Yahaya Bin Mat Ghani @ Abbas minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai aset-aset Syarikat Milik Kerajaan (GLC) yang telah dan akan dijual serta nyatakan nilai setiap aset yang telah dijual serta berapa jumlah nilai keseluruhannya.

NO SOALAN: 32

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lima senarai aset dalam bentuk saham syarikat tersenarai terpilih yang dikuasai oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) yang telah dilupuskan sepanjang tahun 2018 dia antaranya ialah:

Syarikat	**Industri**	**Negara penyenaraian**	**Jumlah Hasil** ***RM juta***	**Catatan**
CIMB Group Holdings Berhad	Perbankan	Malaysia	363	Tiada maklumat pembeli*
BDO Unibank Inc	Perbankan	Philippines	360	
Infosys Limited	Pengguna	India	284	
PT Charoen Pokphand Indonesia	Pengguna	Indonesia	222	
Titan Industries Limited	Pengguna	India	212	

**Kesemua pelupusan yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah bagi syarikat-syarikat tersenarai awam sahaja. Sesetengah pelupusan yang dilaksankana oleh Khazanah dalam syarikat-syarikat yang tersenarai awam dilakukan di pasaran awam sekunder (open secondary market). Sehubungan itu, Khazanah tidak mempunyai senarai pembeli untuk pelupusan tersebut.*

NO SOALAN: 32

Secara keseluruhannya, Khazanah telah memperoleh kira-kira RM1.4 bil dalam bentuk hasil pelupusan aset yang dilaksanakan pada tahun 2018, yang mana hasil tersebut digunakan bagi tujuan pembayaran balik hutang, pembayaran dividen dan pelaburan semula dalam aset-aset baharu.

Khazanah tidak dapat menyatakan secara terpeinci aset-aset yang bakal dilupuskannya pada tahun kewangan semasa memandangkan ia memerlukan kelulusan pihak tertentu termasuk Lembaga Pengarah serta pihak pengawal selia, baik di dalam mahupun di luar negara, bagi memastikan ia dilaksanakan secara tertib dan teratur serta menurut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit bagi mempelbagaikan tanaman alternatif untuk mengurangkan kebergantungan kepada satu tanaman komoditi sahaja.

NO SOALAN: 33

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi mengurangkan tahap kebergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit, terutama apabila harganya menurun, pilihan terbaik bagi pekebun kecil adalah dengan melaksanakan integrasi tanaman atau ternakan. Pelbagai jenis tanaman bernilai dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa telah dikenal pasti seperti nanas, tembikai, pisang dan betik. Tanaman selingan yang boleh membuahkan hasil dalam masa yang singkat adalah sesuai untuk ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda yang berusia kurang daripada 3 tahun. Manakala bagi tanaman jangka masa panjang yang sesuai diintegrasikan adalah lada hitam, salak dan koko. Strategi penggunaan tanah secara maksimum ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia juga telah membangunkan sistem tanaman sawit yang dikenali sebagai sistem tanaman sawit dua baris kembar yang dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang. Integrasi tanaman boleh dilaksanakan untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit melalui sistem tanaman ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Tanaman getah juga boleh diintegrasikan dengan pelbagai jenis tanaman sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang. Bagi jangka pendek,

tanaman integrasi yang digalakkan adalah pisang, betik dan nanas. Tanaman pokok buah salak pula lebih sesuai untuk jangka sederhana. Bagi sistem tanaman getah pepagar pula, integrasi tanaman seperti durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status projek peningkatan NUP4 Helikopter NURI TUDM yang dilaporkan telah dua kali gagal dan merugikan Kerajaan.

NO SOALAN: 34

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah melaksanakan dua *Proof of Concept* (POC) bagi Program Naik Taraf Keempat Pesawat Nuri atau *Nuri Upgrade Programme* 4 (NUP4). POC yang pertama telah dilaksanakan pada tahun 2014 tetapi tidak diterima oleh TUDM kerana tidak memenuhi kehendak spesifikasi teknikal. Susulan kepada itu, POC kedua telah dilaksanakan dan diterima oleh TUDM serta diperakui oleh pihak *Directorate General Technical Airworthiness* (DGTA) melalui penganugerahan *Certificate of Airworthiness* (COA) pada 11 Julai 2017. Pesawat POC kedua ini sedang beroperasi di No 3 Skuadron, Pangkalan Udara Butterworth.

Proses naik taraf bagi pesawat Nuri yang lain masih tertangguh untuk memberi laluan kepada TUDM membuat kajian hala tuju pengoperasian pesawat Nuri di dalam TUDM. Kajian telah disempurnakan dan hasil kajian telah diharmonikan di dalam Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM 2055 atau CAP55. Berdasarkan kepada pelan tersebut, TUDM akan terus mengoperasikan 8 buah pesawat Nuri untuk tempoh 10 hingga 15 tahun lagi sebelum perolehan helikopter baharu bagi menggantikan pesawat Nuri dilaksanakan. Pada masa ini, hala tuju *Nuri Upgrade Programme* 4 (NUP4) bagi 8 buah pesawat Nuri ini sedang diteliti di peringkat Jawatankuasa Pemantauan Kesiagaan Aset ATM.

NO SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Zahari bin Sarip minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah lawatan kerja Kerajaan keluar negara sejak Mei hingga Disember 2018 serta kos yang dibelanjakan, dan berapakah jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk dalam tempoh tersebut.

NO SOALAN: 35

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan keseluruhan lawatan kerja Kerajaan keluar negara yang merangkumi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, 3 orang Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri termasuk Menteri Hal Ehwal Ekonomi mulai Mei 2018 hingga Disember 2018 adalah berjumlah **RM12,728,605.51** (melibatkan 31 lawatan).

Perbelanjaan ini merangkumi pegawai Kerajaan yang turut serta dalam setiap lawatan seluruh anggota Kabinet ke luar negara sepertimana yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LEE TIAN SING**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah justifikasi penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi memandangkan keadaan ekonomi negara kini adalah agak stabil.

NO SOALAN: 36

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun ekonomi negara menunjukkan prestasi yang baik, namun Kerajaan sedar bahawa terdapat banyak isu-isu sosioekonomi yang memberi tekanan kepada rakyat. Menyedari hal ini dan dalam usaha merancakkan lagi ekonomi negara, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi atau dengan izin *Economic Action Council* (EAC) pada 11 Februari 2019.

2. EAC berperanan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua kelompok pemegang taruh termasuk pakar-pakar dari pelbagai bidang di luar Kerajaan. Kombinasi input serta pandangan swasta dan kerajaan akan membolehkan satu penyelesaian yang holistik dan seterusnya akan memberi manfaat yang optimum kepada rakyat.

3. Matlamat utama EAC ini adalah untuk merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC juga akan memberi tumpuan kepada isu- isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah suatu badan yang bersifat action- oriented dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.

4. Bagi mencapai hasrat ini, keanggotaan EAC yang terdiri daripada anggota pentadbiran, wakil sektor swasta dan ahli akademik akan dapat menggabungkan pandangan dan input dalam merencana strategi untuk merancak dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, pandangan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta akan membantu Kerajaan dalam merangka pelan strategi yang komprehensif untuk menangani isu semasa yang dihadapi oleh rakyat.

5. Keanggotaan EAC juga mengambil kira dasar Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang merentasi wilayah dan bersifat inklusif. Justeru, EAC juga dianggotai oleh Ahli Jemaah Menteri daripada Sabah dan Sarawak serta wakil kaum Orang Asli.

6. Untuk memastikan EAC dapat berfungsi dengan efektif dan berkesan, YAB Perdana Menteri telah bersetuju Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menggalas tanggungjawab sebagai sekretariat Majlis ini. Tertakluk kepada persetujuan YAB Perdana Menteri, Kementerian akan mencadangkan jawatankuasa eksekutif yang bertanggungjawab untuk membuat analisis isu semasa sosioekonomi dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada EAC dan mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan. Bagi membantu jawatankuasa eksekutif, beberapa kumpulan kerja (*working group*) akan dibentuk berdasarkan isu yang dikenalpasti.

7. Pada masa ini, EAC dianggotai oleh 17 orang ahli termasuk YAB Perdana Menteri selaku pengerusi serta ahli-ahli lain yang

merangkumi beberapa YB Menteri Persekutuan, tokoh ekonomi, pemimpin industri dan ahli-ahli akademik. Walau bagaimanapun, Menteri Besar atau Ketua Menteri akan dijemput untuk menghadiri Mesyuarat EAC mengikut keperluan dari masa ke masa berdasarkan isu dan perkara yang dibentang atau dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

8. Mesyuarat pertama EAC telah diadakan pada 20 Mac 2019. Antara perkara yang diketengahkan dalam mesyuarat tersebut adalah berhubung dengan pendekatan menyeluruh ke atas isu kos sara hidup, keusahawanan sosial sebagai platform meningkatkan taraf hidup isi rumah hidup isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan pelaksanaan keputusan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

9. Mesyuarat tersebut juga telah mendapatkan cadangan dan maklum balas daripada Ahli-ahli Majlis untuk menangani isu kos sara hidup, meningkatkan produktiviti dan kuasa beli rakyat serta menambahbaik taraf hidup isi rumah B40. Kerajaan akan meneliti semua cadangan yang telah diutarakan oleh semua Ahli Majlis dan cadangan yang dipersetujui akan dilaksanakan segera.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan terbaharu yang telah dirangka oleh pihak Kementerian mengenai masa depan Malaysia Airlines Bhd (MAS) yang dikatakan telah menjadi punca utama kepada kerugian yang ditanggung oleh Khazanah bagi tahun 2018.

NO SOALAN: 37

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memberi mandat kepada Khazanah Nasional Berhad, selaku pemegang saham tunggal Malaysia Airlines Berhad (Malaysia Airlines), untuk bekerjasama dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Malaysia Airlines untuk memperbaiki prestasi syarikat penerbangan tersebut.

Untuk makluman, satu kajian semula tentang strategi dan pelan perniagaan Malaysia Airlines sedang dijalankan dan cadangan ini akan dikemukakan kepada Khazanah yang seterusnya akan diteliti dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah untuk dibincangkan. Hasil daripada perbincangan tersebut akan diangkat kepada Kerajaan yang akan memutuskan hala tuju syarikat penerbangan negara tersebut dalam masa terdekat.

Perlu ditegaskan di sini bahawa sebarang keputusan yang bakal dibuat oleh Kerajaan akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk manfaat ekonomi yang dijana oleh Malaysia Airlines kepada negara, termasuk dari segi pelancongan dan perdagangan, penyediaan peluang pekerjaan kepada warga tempatan serta peningkatan pendapatan negara dari segi kutipan cukai dan sebagainya.

Berdasarkan kesemua pertimbangan tersebut, dalam membincangkan tentang hala tuju dan masa depan Malaysia Airlines, tumpuan yang

sewajarnya harus diberikan kepada pelbagai aspek manfaat ekonomi yang dijana oleh syarikat penerbangan negara tersebut dan bukan sekadar melihat kepada untung rugi operasinya semata-mata.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah TASKA di tempat kerja di sektor awam yang sedia ada, jumlah TASKA di tempat kerja di sektor awam yang dibina dalam tempoh satu tahun ini, dan jumlah TASKA di tempat kerja di sektor awam yang dirancang untuk dibina dan garis masanya di peringkat negeri dan Kerajaan tempatan.

NO SOALAN: 38

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bilangan TASKA di tempat kerja sektor awam yang berdaftar dengan JKM sehingga Februari 2019 adalah sebanyak **222** buah. TASKA di tempat kerja sektor awam yang berjaya didaftarkan pada tahun 2018 adalah sebanyak **25** buah.

Kementerian telah menerima peruntukan kewangan pada tahun 2019 bagi penubuhan 50 buah TASKA di Bangunan Kerajaan dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM 10 juta. Melalui peruntukan ini, sebanyak **65** buah agensi/ jabatan seluruh Malaysia telah diluluskan untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja iaitu telah melebihi sasaran sebenar. 65 buah agensi/ Jabatan ini akan diberi khidmat nasihat oleh Pegawai Diberi kuasa di peringkat Daerah dan dijangka akan beroperasi dalam tahun semasa.

Berhubung dengan perancangan penubuhan TASKA di Tempat Kerja untuk tahun seterusnya, perlu melihat kepada keperluan dan kesediaan Kementerian/ agensi/ jabatan memandangkan penubuhan TASKA ini adalah bergantung kepada beberapa perkara seperti:

i. permintaan daripada pekerja,
ii. ruang fizikal,
iii. peruntukan untuk penubuhan dan faktor-faktor lain.

NO SOALAN: 38

Bagi agensi Kerajaan yang mempunyai perancangan untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja Awam, kementerian akan membantu dari segi khidmat nasihat secara menyeluruh dari masa ke semasa.

NO SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kerajaan dalam menghadapi kemungkinan kesan terhadap hubungan perdagangan antarabangsa ekoran konflik terbaharu antara India dan Pakistan.

NO SOALAN: 39

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Konflik baharu antara India dan Pakistan tidak memberi kesan terhadap dagangan antara Malaysia dan India serta Malaysia dan Pakistan. Seperti yang dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri, Malaysia berdagang dengan semua negara yang berminat kecuali Israel. Malaysia sentiasa terbuka kepada mana-mana syarikat tempatan yang mampu melabur dan mengadakan dagangan dengan syarikat luar negara dan sebaliknya Malaysia juga menjemput syarikat-syarikat luar negara untuk melabur di Malaysia terutamanya sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan semua negara di Asia Selatan. Secara keseluruhan, India merupakan rakan dagang ke-sepuluh yang terbesar manakala Pakistan pula merupakan rakan dagang ke-32 bagi Malaysia. Di kalangan Asia Selatan pula, India merupakan rakan dagang yang paling utama dan Pakistan merupakan rakan dagang ketiga dalam hubungan perdagangan dengan Malaysia.

Pada tahun 2018, jumlah perdagangan Malaysia dengan India mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.2% mencapai RM62.76 bilion berbanding dengan RM61.38 bilion pada tahun sebelumnya. Manakala, dagangan antara Malaysia dan Pakistan pula meningkat sebanyak 2.5% dengan nilai sebanyak RM5.91 bilion berbanding dengan RM5.76 bilion pada tahun 2017.

Tuan Yang Dipertua,

NO SOALAN: 39

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui MIDA dan MATRADE sentiasa mengadakan aktiviti-aktiviti promosi untuk mempertingkatkan lagi kerjasama perdagangan dua hala antara Malaysia dan India, Malaysia dan Pakistan serta negara-negara lain di kalangan Asia Selatan.

Sebagai langkah-langkah meningkatkan hubungan dagangan antara negara-negara di Asia Selatan, MITI, MATRADE dan MIDAs serta persatuan perniagaan telah melaksanakan pelbagai program promosi secara aktif dan berterusan seperti berikut:

- Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan yang dianjurkan oleh MITI adalah untuk menarik minat di kalangan syarikat-syarikat ternama di negara tersebut mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah pasaran yang berdaya saing dan sesuai untuk dijadikan pusat pelaburan serantau;

- Misi Akselarasi Eksport ke Bangladesh, Pakistan, dan Sri Lanka mengikut sektor dan bidang tertumpu;

- Mesyuarat Meja Bulat dengan potensi pelabur-pelabur di negara-negara Asia Selatan;

- Program Penyumberan Antarabangsa seperti *International Sourcing Programme (INSP) in conjunction with MIHAS 2018*, *International Sourcing Programme (INSP) in conjunction with Malaysia International*

Furniture Fair 2018 (MIFF) 2018 dan *International Sourcing Programme (INSP) in conjunction with International Healthcare Conference 2018 (APHM);*

- Aktiviti-aktiviti lain seperti kerjasama antara agensi Kerajaan di Asia Selatan seperti *Board of Investment Pakistan* dan Sri Lanka dan antara syarikat-syarikat tempatan dengan Dewan Perniagaan di negara-negara Asia Selatan; dan

- MITI juga bekerjasama dengan pihak swasta untuk melaksanakan program seperti Malaysia-India CEO Forum (MICEOF) yang merupakan platfom untuk Ketua Pegawai Eksekutif dari Malaysia dan India untuk membincangkan strategi bagi meningkatkan hubungan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Bagi India, Malaysia telah menandatangani dua perjanjian perdagangan dengan India iaitu Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia - India (MICECA) dan *ASEAN-India Free Trade Agreement* (AIFTA). Manakala, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia – Pakistan (MPCEPA) dengan Pakistan. Ketiga-tiga perjanjian MICECA, AIFTA dan MPCEPA merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang komprehensif yang memberi peluang kepada akses pasaran yang lebih luas di antara Malaysia dan India serta Malaysia dan Pakistan.

MITI melalui MATRADE dan MIDA sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi Kerajaan tempatan dan luar negara yang berkaitan dan pihak

swasta untuk meningkatkan dan memantapkan lagi penglibatan syarikat-syarikat Malaysia di pasaran antarabangsa serta menyumbang kepada kedudukan perdagangan Malaysia di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja (baru dan gantian) khususnya pekerja asing dalam bidang restoran.

NO SOALAN: 40

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan mengenai penggajian pekerja ialah memberi keutamaan pekerjaan kepada pencari kerja warganegara. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat 'diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing khususnya pekerja asing kurang mahir.

2. Kerajaan melihat penggajian pekerja asing sebagai tukang masak atau pembantu tukang masak dalam sub sektor restoran hendaklah_ digantikan dengan pekerja warganegara. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpandangan bahawa majikan perlu diberi tempoh masa peralihan yang sesuai supaya mereka dapat menggaji tukang masak atau pembantu tukang masak tempatan yang telah mendapat latihan di institut latihan tempatan dalam bidang kulinari dan kursus-kursus lain yang berkaitan. Usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan penyertaan pekerja warganegara dalam bidang ini berbanding pekerja asing.

3. Pada masa ini, kajian mengenai keperluan dan penggajian pekerja asing bagi setiap sektor sedang dijalankan oleh agensi- agensi kawal selia yang berkaitan termasuk pengambilan pekerja asing dalam sub sektor restoran. Kerajaan juga turut mengadakan aktiviti promosi kepada

pengusaha restoran untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada pekerja asing. Pengusaha-pengusaha restoran mestilah memiliki pelan penggantian atau *exit strategy* jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang seperti pengambilan pencari kerja warganegara melalui penawaran pakej gaji, insentif kewangan dan faedah-faedah pekerjaan yang menarik atau melaksanakan kaedah perkhidmatan layan diri *(self-service)* di restoran.

4. Kesimpulannya, Kerajaan sememangnya sentiasa memastikan pekerja warganegara diberi keutamaan dalam peluang pekerjaan dan pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistic supaya lebih sistematik dan berintegriti.

NO SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

(a) apakah kriteria yang ditetapkan oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) bagi mengiktiraf sesuatu seni atau budaya sebagai khazanah warisan sesuatu negara tersebut; dan

(b) apakah tindakan yang diambil untuk memastikan tiada negara lain boleh membuat tuntutan terhadap sesuatu seni atau budaya itu adalah dari negara mereka sendiri.

NO SOALAN: 41

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua (2) kategori pengiktirafan oleh pihak Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) bagi mengiktiraf sesuatu seni atau budaya sebagai khazanah warisan sesuatu negara iaitu kategori warisan kebudayaan tidak ketara (*Intangible Cultural Heritage - ICH)* dan *Memory of the World (MOW)* untuk warisan dokumentari atau manuskrip.

Bagi kategori ICH, berdasarkan kepada UNESCO *Operational Directive*, kriteria yang perlu dipenuhi bagi pencalonan UNESCO *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* adalah seperti berikut:

1. Perkara yang dicalonkan merupakan warisan budaya tidak ketara seperti yang dinyatakan pada Para 2 UNESCO *Convention For The Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage 2003 yang telah diratifikasikan* oleh Malaysia pada tahun 2013 seperti berikut:

   (a) oral traditions and expressions, including language as a vehicle of the intangible cultural heritage;
   (b) performing arts;
   (c) social practices, rituals and festive events;
   (d) knowledge and practices concerning nature and the universe; and
   (e) traditional craftsmanship.

2. Penyenaraian elemen berkenaan akan menyumbang kepada visibiliti dan kesedaran tentang kepentingan warisan budaya tidak ketara dan untuk menggalakkan dialog, yang mencerminkan kepelbagaian budaya seluruh dunia dan kreativiti manusia;

3. Langkah-langkah perlindungan diterangkan berupaya melindungi dan mempromosikan warisan kebudayaan tersebut;

4. Pencalonan dibuat melibatkan penyertaan yang luas daripada kumpulan, individu serta telah memperolehi persetujuan daripada mereka; dan

5. Warisan yang dicalonkan perlu terlebih dahulu disenaraikan ke dalam inventori bagi tujuan perlindungan.

Sementara itu, bagi pencalonan *Memory of the World International Register* pula*,* selain daripada keaslian dan keunikan, setiap pencalonan perlu memenuhi sekurang-kurangnya salah satu daripada lima (5) kriteria berikut serta perkaitan kepentingannya di peringkat dunia iaitu *Time* (masa), *Place* (tempat), *People* (kaitan manusia), *Subject and theme* (mewakili perkembangan sejarah dan intelektual) dan *Form and style* (bentuk atau gaya luar biasa).

Selain itu, sesuatu pencalonan dalam *Memory of the World International Register* akan dinilai dengan sokongan aspek-aspek seperti *Rarity* (sesuatu yang jarang)*, Integrity* (lengkap), *Threat* (potensi ancaman) dan *Conservation Management Plan* (pelan pengurusan pemuliharaan).

NO SOALAN: 41

Berdasarkan kepada prinsip UNESCO *Convention For The Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage 2003*, yang mana Malaysia telah meratifikasinya pada tahun 2013, seni warisan kebudayaan tidak ketara tidak menimbulkan persoalan sama ada amalan tertentu adalah khusus kepada kepunyaan satu budaya atau satu negara sahaja. Bahkan ianya menyumbang kepada perpaduan sosial, menggalakkan identiti, jati diri dan lain-lain.

Sebagai contoh, makanan warisan boleh dikongsi bersama dengan mereka yang mengambil atau mengamalkan makanan yang serupa termasuk berasal atau diamalkan dari perkampungan berjiranan, sebuah bandar, ataupun yang telah diadaptasi oleh orang-orang yang telah berpindah dan menetap di kawasan yang berlainan yang diamalkan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Untuk itu, berdasarkan Konvensyen tersebut, tiada negara lain berhak menuntut sesuatu seni dan budaya sebagai kepunyaan mereka sahaja semata-mata. Mana-mana negara berhak untuk mencalonkan elemen WTK yang telah diamalkan atau berada di negara mereka. Malaysia juga berhak mencalonkannya pada masa akan datang walaupun elemen yang sama telah dicalonkan oleh pihak lain.

Selain itu, berdasarkan kepada Artikel 13, UNESCO *Operational Directives for the Implementation of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*, adalah digalakkan pencalonan dibuat secara bersama sekiranya satu-satu elemen turut diamalkan di Negara Ahli terlibat. Oleh itu, pencalonan boleh dibuat secara *Joint* atau *Multi-national File*. Contohnya seperti pencalonan Upacara Wangkang telah dibuat secara *Joint Nomination* antara Malaysia dengan negara China. Begitu juga

pengiktirafan yang diperolehi melalui Manuskrip Cerita Panji dalam kategori *Multi-national Nomination* antara Malaysia, Kemboja, Indonesia, Belanda dan United Kingdom.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan daripada pindaan perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan, adakah status Wilayah Persekutuan Labuan, jumlah Parlimen 1/3, minyak dan gas serta sumber asli lain yang terdapat di Sabah akan dikembalikan.

NO SOALAN: 42

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator,

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan 2019 telah gagal untuk mendapat persetujuan 2/3 oleh ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 9 April 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mempertimbangkan kemungkinan untuk membawa semula cadangan pindaan ini pada masa hadapan sebaik sahaja perkara ini diperhalusi semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah mengemukakan senarai isu-isu kepada Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut yang mana terdiri daripada pelbagai perkara seperti **kewangan, ekonomi, kerja raya, perkhidmatan awam, sumber manusia** serta terdapat juga isu-isu yang melibatkan **Kuasa Baki Perundangan** atau dengan izin, **"*Residual Powers of Legislation***" seperti yang diperuntukkan di bawah **Perkara 77, Perlembagaan Persekutuan**. Isu-isu ini masih lagi dalam proses penelitian dan semakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan yang mana turut dianggotai oleh agensi-agensi pusat di peringkat Persekutuan, wakil-wakil agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta pakar-pakar yang terdiri daripada ahli akademik turut sama sama terlibat dalam mesyuarat- mesyuarat yang telah diadakan.

Walau bagaimanapun, setakat ini, Jawatankuasa tersebut tidak pernah membincangkan apa-apa perkara mengenai kedudukan Wilayah Persekutuan Labuan serta jumlah 1/3 Parlimen seperti yang dibangkitkan oleh YB Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

Jawatankuasa Khas Kabinet masih mempunyai tempoh sehingga bulan Jun 2019 untuk meneliti perkara-perkara yang diketengahkan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RABIYAH BINTI ALI**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tahap keupayaan pos kawal dan lapor sistem pertahanan udara di Bukit Lunchu dan berapakah pencerobohan udara yang dilakukan oleh pesawat milik asing sehingga Mac 2019.

NO SOALAN: 43

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa memastikan ruang udara negara terpelihara dengan melaksanakan pengawasan dan pemantauan ruang udara negara secara berterusan. Secara keseluruhannya, Radar Pertahanan Udara Bukit Lunchu berada pada kesiagaan yang baik dan mampu membantu mengesan sebarang pencerobohan ruang udara oleh pesawat asing.

Statistik keseluruhan pencerobohan ruang udara dari tahun 2018 sehingga Mac 2019 adalah sebanyak 160 kes.

NO SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah bajet yang diperuntukkan bagi kos makan kepada banduan-banduan di penjara dan apakah perbezaan kos antara makanan 'Vegetarian' dan bukan 'Vegetarian'.

NO SOALAN: 44

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia bagi tahun 2019 telah diperuntukkan sebanyak RM158,013,860.00 bagi penyediaan makanan banduan mengikut skala diet yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Perbezaan kos antara makanan *vegetarian* dan bukan *vegetarian* adalah di sekitar RM 2.00, di mana anggaran kos makanan *vegetarian* adalah RM7.00 manakala bagi yang bukan *vegetarian* adalah RM9.00.

NO SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha yang dirangka dan dijalankan bagi memenuhi komitmen Malaysia baru dalam UNFCCC. Berapakah peruntukan yang diperlukan bagi membolehkan Malaysia mencapai komitmen ini

NO SOALAN: 45

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah UNFCCC dan Paris Agreement, Malaysia mempunyai komitmen untuk menyediakan dan mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) yang dikenali sebagai *Nationally Determined Contributions* (NDC) setiap 5 tahun sekali.

2. Menurut NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*), iaitu tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

3. Bagi mencapai sasaran NDC tersebut, Malaysia telah melaksanakan pelbagai tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG yang merangkumi pelbagai sektor penting seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Dalam masa yang sama, negara juga telah mengenal pasti tindakan-tindakan

mitigasi pengurangan pelepasan GHG baru yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

4. Pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim negara juga akan disokong oleh kerangka perundangan dan kerangka institusi yang sesuai. Bagi tujuan ini, Kementerian berhasrat untuk menggubal **akta yang khusus bagi perubahan iklim (National Climate Change Act)** untuk negara serta **memperkukuhkan kerangka institusi dengan membangunkan *National Climate Change Center*** sebagai entiti utama yang akan memantau, menyelaras dan menguatkuasa pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim selaras dengan komitmen negara di bawah Paris Agreement dan UNFCCC.

5. Dari sudut peruntukan, memandangkan isu perubahan iklim adalah merentas pelbagai sektor, Kementerian ini melaksanakan tindakan dan inisiatif yang berkaitan dengan bidang kuasanya melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia (RMK) dan pembiayaan luar yang diterima melalui kerjasama pelbagai hala dan dua hala. Kementerian lain juga turut melaksanakan tindakan dan inisiatif berkaitan perubahan iklim berdasarkan peruntukan pembangunan yang dipohon serta pembiayaan luar masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) agar dapat diakses oleh lebih ramai pelanggan terutama di kawasan luar bandar.

NO SOALAN: 46

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman (BBG) melaksanakan fungsinya melalui peruntukan undang-undang di bawah Akta Bantuan Guaman 1971. JBG merupakan agensi kerajaan yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman yang terbesar di negara ini khususnya kepada individu yang mempunyai 'sumber kewangan' di bawah RM50,000 setahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017. Sumber kewangan meliputi gaji dan apa- apa juga sumber lain yang diperoleh oleh individu tersebut dalam tempoh masa setahun. Individu berkenaan juga mestilah merupakan warganegara Malaysia.

Terdapat 22 Pejabat Negeri dan Cawangan JBG di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Antara Cawangan JBG yang boleh disifatkan berada di luar kawasan bandar adalah seperti seperti yang berikut:-

i) JBG Cawangan Taiping;
ii) JBG Cawangan Langkawi;
iii) JBG Cawangan Muar;
iv) JBG Cawangan Gua Musang;
v) JBG Cawangan Raub;
vi) JBG Cawangan Sibu;
vii) JBG Cawangan Labuan; dan
viii) JBG Cawangan Miri.

Sebagi contoh, JBG cawangan Gua Musang bagi tahun 2018 telah melaksanakan lima (5) klinik bantuan guaman di daerah tersebut dengan 75 orang mendapat faedah secara langsung daripada klinik bantuan guaman tersebut.

JBG Cawangan Taiping pula telah melaksanakan lima (5) klinik bantuan guaman di daerah tersebut dengan 37 orang mendapat faedah secara langsung daripada klinik bantuan guaman tersebut. JBG Cawangan Taiping juga mengadakan satu ceramah penerangan undang-undang dengan dihadiri oleh seramai 410 orang pengunjung.

Dalam memastikan semua warganegara mendapat akses kepada perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan telah melaksanakan pelbagai program kesedaran masyarakat yang merangkumi program Klinik Bantuan Guaman JBG, ceramah/ penerangan undang-undang di penjara/ pusat tahanan kanak-kanak, pusat khidmat setempat dan media massa/ radio. Tumpuan utama program seperti klinik bantuan guaman adalah di kawasan luar bandar dan pedalaman sama ada melalui inisiatif Jabatan sendiri maupun melalui kerjasama dengan agensi kerajaan lain.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 192 program kesedaran masyarakat telah dijalankan di seluruh negara dengan jumlah kehadiran seramai 5733 orang. Ini tidak termasuk program yang dijalankan melalui media massa.

Berdasarkan statistik yang dikumpul, keutamaan Program Kesedaran Masyarakat yang banyak dibuat adalah seperti yang berikut:

i) Klinik Bantuan Guaman
(143 program dan 2738 pengunjung)
ii) Ceramah / Penerangan Undang-Undang
(36 program dan 2854 pengunjung)
iii) Penjara / Pusat Tahanan Kanak-Kanak
(10 program dan 141 pengunjung)
iv) Media Massa / Radio
(3 program)

JBG dalam memastikan akses kepada keadilan diberikan kepada semua warganegara, JBG telah menggubal Pelan Strategik JBG 2019 – 2023. Berdasarkan kepada Pelan Strategik tersebut, di bawah Teras Strategik 1 iaitu Memperkasakan Perkhidmatan Bantuan Guaman Bagi Menjamin Akses Kepada Keadilan. Antara program yang disasarkan adalah Program Kesedaran Masyarakat yang dirancang untuk dijalankan secara koloborasi dengan agensi-agensi yang berkaitan bagi memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman melalui promosi/konvensyen/seminar. Ini bagi menjamin kesedaran masyarakat terhadap hak-hak mereka disisi undang-undang dapat ditingkatkan khususnya masyarakat di luar Bandar. Sebanyak 22 progam kerjasama dengan agensi luar akan dilaksanakan oleh JBG yang meliputi Pejabat Negeri dan Cawangan pada setiap tahun bermula daripada tahun 2019 ini sehingga 2023.

Selain itu, JBG juga telah menetapkan sebanyak 180 Program Promosi untuk dilaksanakan oleh semua Pejabat Negeri dan Cawangan JBG bagi tahun 2019. Program Promosi ini meliputi program ceramah/penerangan

undang-undang/program literasi undang-undang/program di pusat tahanan atau penjara/program di pusat khidmat setempat dan hebahan melalui media.

Berdasarkan kepada sasaran dan program yang telah dilaksanakan dan perancangan bagi tempoh lima (5) tahun akan datang, diharapkan agar warganegara Malaysia mendapat akses kepada keadilan dengan sewajarnya khususnya yang berada di luar Bandar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan akan menimbangkan untuk mengecam Israel di atas tindakan yang tidak berperikemanusiaan dan apakah tindakan Kerajaan di atas serangan terkini ke atas Palestin.

NO SOALAN: 47

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia sesungguhnya sangat peka dan prihatin terhadap krisis di Palestin yang telah berlanjutan selama lebih tujuh dekad. Ia telah mengorbankan ratusan ribu nyawa dan meninggalkan kesengsaraan yang berpanjangan kepada rakyatnya.

3. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sejak dahulu lagi konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu Palestin. Malaysia komited untuk memberi sokongan kepada Palestin untuk menubuhkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan senantiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga bantuan-bantuan berbentuk kemanusiaan, sumbangan kewangan serta sumbangan untuk pembangunan infrastruktur asas dan pembangunan kapasiti sama ada secara langsung mahupun melalui pertubuhan antarabangsa dan badan bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain itu, Malaysia sentiasa memperjuangkan isu Palestin di platform antarabangsa terutamanya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui resolusi-resolusi yang mampu memberi terkanan kepada Israel dan sekutunya Amerika Syarikat. Semasa menjadi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016, Malaysia lantang mengetengahkan pendiriannya dengan memberikan tekanan kepada Israel dan Amerika Syarikat untuk mematuhi resolusi-resolusi PBB yang berkaitan. Hasil daripada usaha ini, Resolusi Majlis Keselamatan PBB 2334 mengenai penempatan haram Israel telah diterima pakai oleh Majlis Keselamatan PBB.

5. Pada 13 Jun 2018, Malaysia telah menaja dan menyokong resolusi mengenai perlindungan orang awam Palestin pada Sesi Khas Tergempar Perhimpunan Agung PBB di New York, yang diluluskan dengan 120 undi sokongan berbalas lapan undi tolak. Resolusi berkenaan mengutuk serangan keganasan ke atas orang awam oleh Israel, terutamanya di Semenanjung Gaza dan menggesa perlindungan ke atas orang awam Palestin seperti yang termaktub di bawah undang – undang antarabangsa.

6. Pada 6 Disember 2018, Malaysia juga, bersama-sama negara anggota PBB, telah menentang draf resolusi Perhimpunan Agung PBB yang ditaja oleh Amerika Syarikat bertajuk "*Activities of Hamas and Other Militant Groups in Gaza*". Draf resolusi tersebut telah gagal menerima dua pertiga sokongan daripada negara-negara anggota PBB dan seterusnya tidak diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB. Secara lazimnya, majoriti mudah diperlukan untuk sesebuah resolusi diterima pakai. Namun demikian, untuk isu yang melibatkan pemeliharaan keamanan dan keselamatan antarabangsa, dua pertiga sokongan negara anggota diperlukan untuk

sesebuah resolusi diterima pakai selaras dengan Peraturan 83, Prosedur Perhimpunan Agung PBB.

7. Sebagai suatu reaksi untuk mengenakan tekanan kepada pihak Israel dan Amerika Syarikat, satu draf resolusi bertajuk "*Comprehensive, Just and Lasting Peace in the Middle East*" telah dibentangkan oleh Republik Ireland sebagai langkah balas kepada resolusi yang ditaja Amerika Syarikat. Resolusi yang dibentangkan Ireland telah mendapat sokongan padu daripada negara anggota PBB. Sebagai pendokong kuat terhadap usaha menjadikan Palestin sebuah negara merdeka dan berdaulat, Malaysia telah memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada resolusi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Dalam apa-apa platform diplomasi pelbagai hala, Malaysia sentiasa menyuarakan pendirian dengan menggesa masyarakat antarabangsa untuk menggunakan segala saluran perundangan, politik dan diplomatik supaya tekanan terus dikenakan terhadap Israel dan sekutunya Amerika Syarikat untuk menghentikan kekejaman dan kezaliman ke atas rakyat Palestin. Usaha ini akan diteruskan sehingga wujudnya sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan penubuhan dua negara (*Two-State Solution*), di mana Palestin dan Israel akan wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan sempadan sebelum tahun 1967, dan Baitulmaqdis (*East Jerusalem*) sebagai ibu negara Palestin.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam ke tahap yang maksimum tetapi menggunakan sumber manusia yang minimum; dan

(b) adakah bilangan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) akan ditambah yang akan menyebabkan beban kewangan yang sangat tinggi kepada Kerajaan.

NO SOALAN: 48

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab pertanyaan (a), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan tahap kecekapan Perkhidmatan Awam ke tahap yang maksimum melalui penggunaan sumber yang minimum seperti inisiatif *Digital Government Competency And Capability Readiness* (DGGCR) Sektor Awam dan inisiatif WeServe.

DGCCR Sektor Awam adalah satu inisiatif untuk memantapkan kemahiran dan pengetahuan digital pegawai awam merentasi pelbagai skim dan peringkat jawatan. Inisiatif ini untuk menyediakan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran digital di dalam merancang serta mengurus penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat. Selain itu, DGCCR Sektor Awam juga mensasarkan peningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi digital.

Bagi membuktikan konsep peningkatan kecekapan perkhidmatan dengan mengaplikasikan teknologi digital dan sumber manusia berminda digital, JPA telah berjaya melaksanakan *Proof of Concept* (POC) *Robotic Process Automation* bagi proses kerja tuntutan lebih masa. Hasil dapatan dari POC ini, JPA telah dapat meningkatkan kecekapan proses tuntutan lebih masa berdasarkan pengurangkan masa prosesan bagi satu tuntutan,

pengurangan masa kerja manual, ketepatan maklumat dan pengurangan kos sumber manusia.

Inisiatif WeServe yang bercirikan perkongsian sumber secara optimum dari aspek sumber manusia, infrastruktur dan teknologi. Ia berteraskan konsep '*Do More With Less For More'*. Objektif WeServe adalah melahirkan petugas barisan hadapan yang serba boleh dan menawarkan pelbagai perkhidmatan Kerajaan dari pelbagai agensi di satu kaunter.

Bagi menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan konsisten kepada rakyat serta petugas barisan hadapan yang berupaya untuk menawarkan perkhidmatan dari pelbagai agensi, beberapa program telah direkabentuk dan dilaksanakan. Selain itu, *Service Design* and *Customer Journey Map* digunapakai untuk merekabentuk proses penyampaian perkhidmatan yang berfokus pengalaman dan keperluan pelanggan.

Bagi menjawab pertanyaan (b), sehingga 15 April 2019, jumlah perjawatan dan pengisian bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) adalah seperti berikut:

(i) Jumlah Perjawatan PTD = 10,074
(ii) Jumlah Pengisian PTD = 8,889 pegawai

Jumlah ini hanya mewakili 0.5% daripada keseluruhan bilangan perjawatan pegawai awam yang berkhidmat dengan Kerajaan. Pengambilan pegawai-pegawai PTD hanya dibuat untuk mengisi kekosongan perjawatan sedia ada sahaja.

NO SOALAN: 48

Sekian , terima kasih.

NO SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah hasilan dapatan atau penyelidikan oleh 21 pakar Petronas selepas pembersihan Sungai Kim Kim daripada pencemaran toksik.

NO SOALAN: 49

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kajian tersebut masih dijalankan oleh jawatankuasa saintifik yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk PETRONAS. Data yang diperolehi juga sedang dianalisa dan laporan rasmi adalah dijangka akan dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut pada 15 Mei 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah moratorium ke atas Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah ditarik balik. Apakah kesan moratorium Seksyen 233 terhadap laporan-laporan awam berkaitan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

NO SOALAN: 50

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada masa ini, Kerajaan memutuskan moratarium ke atas seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ditarik balik.

2. Turut dimaklumkan bahawa, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menerima aduan dan menyiasat kesalahan yang dilakukan melalui kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi termasuklah media sosial.

3. Namun begitu, keputusan untuk mendakwa di bawah seksyen 233 Akta 588 atau undang-undang lain hendaklah dirujuk kepada Pendakwa Raya.

NO SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mendukung manifesto kebebasan bersuara namun pada masa yang sama bertanggungjawab menjaga sensitiviti dan keharmonian masyarakat majmuk memandangkan kes salah guna media sosial sehingga ke tahap menghina agama kian meningkat.

NO SOALAN: 51

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mendukung prinsip kebebasan bersuara selaras dengan dasar baharu Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman dan perbuatan yang cuba dilakukan oleh pihak tertentu yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian yang rakyat nikmati selama ini. Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan huru hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi dalam apa bentuk sekalipun sama ada dalam penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak tenteram dalam masyarakat.

Berdasarkan rekod, sebanyak 1156 laporan polis dan 27 kertas siasatan telah dibuka bagi tahun 2019 (Sehingga 8 April 2019) bagi kes berkaitan dengan penghinaan terhadap agama. Daripada jumlah itu, 1142 laporan polis diterima dan 23 kertas siasatan dibuka berkaitan dengan penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW dan Agama Islam. Manakala 14 laporan polis diterima dan 4 kertas siasatan dibuka berkaitan dengan penghinaan terhadap lain-lain agama.

Daripada jumlah 27 kes siasatan yang telah dibuka, Kementerian ingin memaklumkan bahawa 8 kes telah dituduh di mahkamah, 6 kes diletak dalam status NFA (*no further action*), 1 kes KIV, 11 kes masih dalam siasatan lanjut dan 1 kes dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.

NO SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD NORDIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan bagi membiayai ubat-ubatan di seluruh hospital, klinik kesihatan dan klinik komuniti di seluruh negara bagi tahun 2019 dan komitmen Kerajaan dalam memastikan kesihatan awam terus diutamakan.

NO SOALAN: 52

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan bekalan perubatan di hospital, klinik kesihatan dan klinik komuniti di seluruh Negara bagi memastikan bekalan perubatan di fasiliti kesihatan KKM mencukupi. Sehingga April 2019, sejumlah RM3.011 bilion telah diagihkan bagi menampung bekalan perubatan melibatkan ubat, gas perubatan, reagen, vaksin dan *consumables* di fasiliti kesihatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.667 bilion telah diperuntukkan khusus untuk bekalan ubat di fasiliti kesihatan seluruh Negara. Disamping itu, penyaluran peruntukan tambahan dibuat dari semasa ke semasa kepada fasiliti kesihatan bagi memastikan bekalan ubat tidak terjejas.

Peruntukan untuk sektor kesihatan pada tahun 2019 iaitu RM28.68 billion telah meningkat sebanyak 7.89% jika dibandingkan dengan tahun 2018. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan supaya penyampaian perkhidmatan kesihatan sentiasa berada di tahap yang dirancang dan sejajar dengan kemajuan teknologi dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi penghapusan hukuman mati mandatori dan hukuman yang sesuai untuk menggantikan pembunuhan berskala besar seperti pengedar dadah yang membunuh kehidupan beribu-ribu rakyat Malaysia.

NO SOALAN: 53

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suatu kajian berhubung dengan cadangan untuk memansuhkan hukuman mati telah dijalankan mulai September 2013 hingga April 2016 bagi tempoh dua tahun tujuh bulan oleh I-CeLLS yang merupakan sebuah organisasi yang pernah berada di bawah Jabatan Peguam Negara pada suatu ketika dahulu.

2. Melalui kajian tersebut, antara justifikasi yang telah dipertimbangkan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori adalah seperti yang berikut:

(a) Hukuman mati bukan pencegahan yang berkesan

Kajian tersebut mendapati bahawa hukuman mati bukanlah suatu langkah pencegahan terbaik. Keberkesanan hukuman mati sebagai suatu bentuk pencegahan tidak dapat dipastikan memandangkan terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi bilangan pendakwaan atau kadar jenayah. Selain itu, hukuman mati hanya akan mempunyai kesan pencegahan jika hukuman tersebut dilaksanakan secara terbuka di khalayak ramai.

(b) Risiko sabitan salah dan hukuman mati tidak boleh diperbaiki atau dipulihkan

Kajian tersebut turut mendapati bahawa terdapat risiko sabitan salah yang boleh menyebabkan hukuman mati dilaksanakan terhadap individu yang tidak bersalah. Di Malaysia, terdapat kes di mana orang yang dituduh disabitkan dengan kesalahan bunuh berdasarkan keterangan palsu yang diberikan oleh saksi utama. Walaupun sabitan terhadap tertuduh diketepikan pada peringkat rayuan disebabkan oleh keterangan palsu tersebut, kes ini menunjukkan bahawa terdapat risiko sabitan salah yang boleh menyebabkan hukuman mati dilaksanakan terhadap individu yang tidak bersalah memandangkan hukuman mati tidak boleh diperbaiki atau dipulihkan.

(c) Norma hak asasi manusia antarabangsa

Sebagai sebuah negara yang berhasrat untuk mematuhi norma hak asasi manusia antarabangsa, Malaysia seharusnya menerima hasrat untuk memansuhkan hukuman mati secara keseluruhannya.

3. Berhubung dengan pemansuhan hukuman mati, pendirian Kerajaan adalah supaya hukuman mati mandatori dimansuhkan dan digantikan dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

4. Pendirian Kerajaan untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah adalah selaras dengan janji dalam Buku Harapan “Membina Negara Memenuhi Harapan” iaitu Janji 27 untuk menghapuskan undang-undang yang zalim

termasuklah “memansuhkan hukuman gantung mandatori dalam semua Akta”.

5. Pada masa kini, hukuman mati mandatori diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*]. Sehubungan dengan itu, hukuman mati mandatori yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dicadangkan digantikan dengan hukuman mati atas budi bicara mahkamah iaitu untuk sembilan kesalahan dalam Kanun Keseksaan dan dua kesalahan dalam Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

6. Usaha juga sedang dibuat untuk mendapatkan maklum balas pihak-pihak berkepentingan ke atas cadangan untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman pilihan iaitu penjara selama hayat atau penjara seumur hidup.

7. Hukuman bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya yang diperuntukkan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] bukan lagi hukuman mati mandatori berikutan pindaan bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman mati tertakluk kepada budi bicara mahkamah yang mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2018. Hukuman mati tertakluk kepada budi bicara mahkamah adalah hukuman yang wajar dan setimpal dengan kesalahan mengedar dadah setelah mengambil kira dasar Kerajaan.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan terkini usaha Kerajaan untuk menyelaraskan perundangan berkaitan di negara ini dalam menetapkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi melarang perkahwinan bawah umur berikutan dengan kes-kes baru yang berlaku baru-baru ini.

NO SOALAN: 54

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana prihatin terhadap isu perkahwinan bawah umur ini. Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri sesi konsultasi dan perbincangan dengan pelbagai pihak seperti kementerian/jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bagi memberikan situasi perkahwinan bawah umur orang Islam, orang bukan Islam, orang asli dan perkahwinan adat di negeri masing-masing.

Sehingga kini, penelitian terperinci telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) terhadap cadangan pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] bagi menaikkan had umur pendaftaran perkahwinan kepada 18 tahun. Pihak KDN mendapati bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta 164 kerana telah diperuntukkan dengan jelas had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan wanita iaitu 18 tahun. Pengecualian hanya diberi kepada wanita berumur 16 dan 17 tahun yang mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri/Menteri Besar. Pengecualian ini walau bagaimanapun, akan ditangani melalui mekanisme kawalan yang akan dilaksanakan melalui penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) permohonan perkahwinan bawah umur.

Bagi orang Islam pula, berdasarkan makluman yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) satu draf pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [Akta 303] sedang disediakan dengan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan serta dengan menjadikan tatacara-tatacara permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah had umur minimum sebahagian daripada pindaan Akta 303. Pada masa ini, sesi perbincangan dan libat urus bersama agensi-agensi masih diteruskan bagi memastikan pindaan yang dicadangkan tersebut adalah komprehensif dan dapat dikuatkuasakan secara berkesan kelak. Selain daripada itu, cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri melalui Majlis Dialog dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas. Oleh yang demikian, RUU ini akan dibentangkan di Parlimen setelah sesi rundingan dengan negeri-negeri dan stakeholders selesai dijalankan dan setelah draf pindaan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain usaha daripada aspek perundangan, pada tahun ini Kerajaan akan menumpukan kepada langkah-langkah dalam menangani punca perkahwinan bawah umur. Sebagai tindakan awal, Kerajaan telah mengadakan sesi libat urus pertama melalui Sesi Meja Bulat Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari 2019 dengan penyertaan daripada pelbagai agensi Kerajaan, NGO, ahli akademik dan Exco-Exco Wanita. Antara perkara yang dibincangkan dalam sesi ini ialah mengenai

tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan dan NGO dalam menangani punca utama perkahwinan bawah umur seperti kemiskinan, keciciran pendidikan, tiada pengetahuan kesihatan reproduktif seksual dan tekanan sosial atau stigma masyarakat.

Sesi libat urus kedua akan diadakan di antara agensi Kerajaan bagi meneliti draf pelan tindakan atau *roadmap* menangani punca perkahwinan bawah umur yang dinyatakan sebentar tadi. *Roadmap* ini dijangka akan turut dibentangkan sebagai perkongsian dengan negara- negara ASEAN dalam, dengan izin, *ASEAN Workshop on Early Marriages: Sharing Best Practices* yang dijangka akan diadakan pada bulan Oktober atau November 2019.

NO SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian kepada segelintir peserta yang menjadikan sambutan Hari Wanita Sedunia di Dataran Merdeka pada 9 Mac 2019 yang lalu sebagai medan untuk mempertahankan hak LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender).

NO SOALAN: 55

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umum mengetahui bahawa tarikh 8 Mac setiap tahun merupakan Sambutan Hari Wanita Sedunia yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai Hari Wanita Antarabangsa bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekalipun politik.

Negara kita tidak ketinggalan meraikan hari tersebut bagi menghargai jasa dan perjuangan kaum wanita di Malaysia. Pada tahun ini sambutan tersebut telah diadakan pada 9 Mac 2019 di Dataran Merdeka dengan tema "Hentikan Keganasan, Hormati Perempuan". Walaubagaimanapun, perhimpunan tersebut menerima pelbagai laporan yang dikatakan menjadikan perhimpunan ini sebagai medan LGBT.

Kerajaan menerusi kenyataan Perdana Menteri ketika diminta mengulas mengenai permintaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) supaya kerajaan mengiktiraf golongan ini dengan tegasnya menyatakan bahawa amalan seperti Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT) tidak akan diterima sama sekali di negara ini.

Berhubung dengan isu penganjuran perhimpunan Hari Wanita yang mempromosikan LGBT di Kuala Lumpur pada 9 Mac 2019, pihak PDRM telah menjalankan siasatan dibawah Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman

2012 dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948berdasarkan laporan yang diterima di IPD Dang Wangi.

Pihak penganjur telah pun dipanggil ke IPD Dang Wangi untuk diambil keterangan pada 18 Mac 2019 dan sehingga kini tiada tangkapan dibuat berhubung kes ini. Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya dan telah di NFA (No Further Action) pada 18 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status perlaksanaan subjek demokrasi dan perlembagaan di sekolah-sekolah bagi mempersiapkan pelajar untuk mengundi bermula pada umur 18 tahun.

NO SOALAN: 56

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidkan Malaysia (KPM) telah memberi penekanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkaitan dengan demokrasi dan perlembagaan kepada setiap murid dari peringkat sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. KPM juga telah memasukkan tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan demokrasi dan perlembagaan dalam kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Tajuk ini diajar kepada murid mengikut aras dan tahap kebolehan serta keupayaan murid sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah.

Sehubungan dengan itu, KPM berpandangan bahawa tiada keperluan untuk memperkenalkan subjek berkenaan demokrasi dan perlembagaan kerana perkara berkaitan demokrasi dan perlembagaan telah dimasukkan dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah sejak dari peringkat sekolah rendah dan menengah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merangka satu program lebih mantap menangani isu ajaran sesat dan penyelewengan akidah umat Islam di Malaysia.

NO SOALAN: 57

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 5 Mei 1996 telah memutuskan pandangan hukum supaya umat Islam di negara ini berpegang kepada manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah sama ada dari segi akidah, syariah mahupun akhlak. Dalam rangka untuk membendung penularan ajaran sesat dan menyeleweng, pihak JAKIM sedang dalam proses mengemaskini Dasar Dakwah Negara yang akan memberi tumpuan kepada memperkukuhkan akidah ummah melalui pembudayaan ilmu dan pentarbiahan yang komprehensif dan berkesan dengan kerjasama MAIN dan JAIN. Beberapa pendekatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk menangani isu ajaran sesat dan penyelewengan akidah umat Islam di Malaysia ialah:

(i) Bekerjasama dengan MAIN dan JAIN dalam aspek penyelidikan mengenai ajaran dan doktrin yang meragukan atau disyaki menyeleweng daripada agama Islam.

(ii) Mengadakan pertemuan dan sesi dialog secara tertutup bersama kumpulan atau individu yang terlibat dengan ajaran yang meragukan.

(iii) Melaksanakan kajian secara menyeluruh dalam pelbagai aspek sebelum sesuatu ajaran atau doktrin itu diberi pandangan hukum oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

(MKI). Ini termasuk kajian dari sudut kesan dan implikasi apabila sesuatu pandangan hukum mengenai ajaran sesat dikeluarkan.

(iv) Jabatan Mufti di negeri mengeluarkan fatwa mengenai ajaran terbabit mengikut peruntukan dan bidang kuasa masing-masing berpandukan kepada pandangan hukum oleh Muzakarah MKI dan perbincangan di peringkat Jawatankuasa/Muzakarah Fatwa Negeri-Negeri.

(v) Memberi kaunseling agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka kepada kehidupan normal masyarakat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. NUING JELUING**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan jurang bekalan elektrik di bandar dan luar bandar. Apakah rancangan yang sedia ada dan yang akan dilaksanakan untuk mencapai 100% liputan di luar bandar menjelang tahun 2025.

NO SOALAN: 58

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak pada masa kini adalah melibatkan kampung-kampung yang terletak jauh di kawasan pedalaman.

Bagi membolehkan bekalan elektrik dapat disambung di kawasan-kawasan tersebut serta mengelakkan dari susutan bekalan (*voltage drop*), satu punca bekalan (*Transmission line*) perlu dibina terlebih dahulu sebelum dapat disambung ke rumah-rumah terlibat bagi membolehkan talian dapat disambung secara grid.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, Kementerian juga sedang melaksanakan projek BELB secara sistem alternatif (solar hibrid dan mikro hidro) bagi kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan pedalaman dan tidak boleh dibekalkan melalui punca bekalan talian grid bagi membolehkan setiap penduduk mendapat bekalan elektrik selama 24 jam.

NO SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah projek-projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang telah dibatalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan apakah implikasi yang perlu ditanggung disebabkan tindakan tersebut.

NO SOALAN: 59

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat iaitu projek mesra rakyat dan berimpak tinggi. Ini termasuk seperti membina atau menaiktaraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan rumah ibadat.

2. Selain itu, projek-projek pembangunan sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini akan diteruskan pelaksanaannya dalam usaha untuk memacu ekonomi negara. Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan semua projek-projek yang ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini. Bagi memastikan pelaksanaan segera projek-projek berkenaan, Kerajaan bersetuju supaya semua kementerian memuktamadkan proses rundingan kontrak dan mendapatkan pengurangan sekurang-kurangnya 8% daripada nilai kontrak.

3. Bagi tahun 2019, terdapat sebanyak 4820 projek dimana ianya melibatkan 735 projek baharu dan 4085 projek sambungan yang bernilai RM54.7 bilion.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kementerian menolak permohonan bantuan tambahan yang dihantar oleh kerajaan negeri kepada MOF bagi membantu pekebun kecil getah di Sabah melalui bantuan musim tengkujuh. Ini tidak patutnya berlaku kerana berlawanan dengan manifesto Pakatan Harapan iaitu melindungi hak orang Sabah dan mengagihkan dana secara sama rata.

NO SOALAN: 70

JAWAPAN

Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM164.78 juta kepada RISDA melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi pemberian bantuan musim tengkujuh 2018/2019 kepada pekebun kecil getah.

Seramai 6,055 pengusaha/ pekebun kecil/ penoreh getah di Sabah yang berdaftar di bawah RISDA telah menerima bantuan tersebut, berbanding RM42.3 juta yang dipohon oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) melibatkan 70,594 pekebun kecil getah. Kriteria penerima BMT di bawah RISDA dihadkan kepada pengusaha tanah seluas 2.5 hektar dan ke bawah, sedangkan purata pemilikan tanah pekebun kecil di Sabah adalah 6 hektar.

NO SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) bilakah Kementerian ini akan menyediakan satu pelan tindakan latihan dan sara hidup untuk wanita-wanita yang memerlukan khususnya di Sabah; dan

(b) apakah pendirian serta pelan tindakan Kementerian terhadap lebih daripada 50,000 kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah.

NO SOALAN: 61

JAWAPAN

(a) Bilakah Kementerian ini akan menyediakan satu pelan tindakan latihan dan sara hidup untuk wanita-wanita yang memerlukan khususnya di Sabah;

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wanita Negara telah digubal pada tahun 1989 berhasrat untuk mencapai kesaksamaan gender melalui program-program yang telah dirangka menerusi Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Pelan tersebut disediakan untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara. Kementerian sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*. Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi wanita dari segi sosial dan ekonomi. Pelan tindakan tersebut akan merangkumi keperluan wanita di Malaysia termasuk di di Sabah dan Sarawak.

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan wanita sama ada di bandar atau luar bandar melalui program pemerkasaan ekonomi wanita.

Kementerian berharap program-program tersebut dapat membantu wanita-wanita *vulnerable* dan memerlukan di Sabah terutamanya.

(b) Apakah pendirian serta pelan tindakan Kementerian terhadap lebih daripada 50,000 kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 31 Mac 2019, didapati sebanyak 44,703 orang kanak-kanak di negeri Sabah telah didaftarkan dan dikeluarkan Sijil Kelahiran dengan status 'Bukan Warganegara' atau 'Belum Ditentukan'.

Pendirian Kementerian terhadap kanak-kanak ini adalah jelas di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Akta ini terpakai kepada semua kanak-kanak di Malaysia, tanpa mengira status kewarganegaraan. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberikan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada mana-mana kanak-kanak yang memerlukan seperti yang termaktub dalam Akta ini.

Sekiranya didapati telah berlaku pengabaian atau penderaan, JKM akan bertindak menyelamatkan kanak-kanak tersebut berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001. Sekiranya kanak-kanak tersebut disahkan sebagai bukan warganegara, akan terus dirujuk kepada Jabatan Imigresen atau pihak kedutaan yang terlibat. Manakala bagi kanak-kanak yang tiada dokumen pengenalan diri, JKM akan menasihati ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran kanak-

kanak dengan kerjasama Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara. Sekiranya ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tidak dapat dikesan, maka kanak-kanak tersebut akan diberi perlindungan di institusi kebajikan.

Secara khususnya di Sabah, Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) Sabah menyediakan tenaga kerja bagi Rumah Perlindungan Ehsan Sabah yang ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Rumah Perlindungan ini memberi pemeliharaan dan perlindungan kepada kanak-kanak jalanan yang mengemis khususnya bukan warganegara Malaysia. Antara perkhidmatan disediakan adalah menyediakan makanan tambahan, memberikan pendidikan asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira, pendidikan moral dan kerohanian, penjagaan diri dan kesihatan, membantu memberikan khidmat nasihat dan kaunseling serta melaksanakan aktiviti riadah dan sukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu status kewarganegaraan kanak-kanak ini, saya difahamkan bahawa Kementerian Dalam Negeri sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian Prosedur Operasi Standard Permohonan Kewarganegaraan terutamanya bagi individu berumur bawah 21 tahun. Penambahbaikan yang dicadangkan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan serta mengambil kira kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

NO SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu penghinaan terhadap Nabi Muhammad. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap mana-mana individu yang sengaja atau tidak sengaja menimbulkan provokasi di kalangan masyarakat. Apakah langkah yang diambil supaya perkara ini tidak berleluasa di masa hadapan.

NO SOALAN: 62

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan serta kesucian Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Dalam perkara ini, undang-undang sedia ada telah diperuntukkan untuk membendung dan menghalang mana-mana individu dan kumpulan daripada menghina kesucian agama Islam dan kemuliaan Rasullullah SAW.

Kerajaan melalui JAKIM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Unit Pemantauan Isu Hina Agama mulai 7 Mac 2019 sebagai penambahbaikan kepada fungsi Jawatankuasa bersama antara JAKIM/JAIN dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Salah satu fungsi unit tersebut adalah untuk memantau penulisan atau komen yang bersifat menghina agama Islam (Allah, Nabi, ayat-ayat al-Quran dan perkara-perkara berkaitan). Aduan yang diterima akan ditapis dan disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sehingga 29 Mac 2019, sebanyak 14,857 mesej aduan telah diterima daripada 2,671 orang pengadu melalui talian tersebut. Setelah disaring, sebanyak 53 aduan telah dipanjangkan kepada SKMM untuk tindakan lanjut.

Rentetan daripada isu-isu penghinaan agama Islam dan Rasulullah SAW, Kerajaan akan memperhebatkan lagi program-program meningkatkan

kefahaman Islam melalui Gagasan Negara Rahmah bertunjangkan Rahmatan Lil Alamin dan Maqasid Syariah yang akan memperlihatkan sifat inklusif ajaran Islam dan mampu menjadi model yang progresif bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah rancangan mengadakan satu 'Bengkel' di Sarawak untuk mengumpul pendapat daripada pegawai perubatan serta mereka yang terlibat dalam bidang perubatan supaya polisi, peruntukan dan pertimbangan Kementerian akan lebih menepati keperluan serta mengambil kira keadaan Sarawak yang luas dan masih jauh ketinggalan dari segi pengangkutan.

NO SOALAN: 63

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pembangunan dasar dan pelan kesihatan seperti Rancangan Malaysia 5 tahun, Pelan Strategik KKM serta dasar- dasar kesihatan yang lain dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan rakyat di seluruh Malaysia bagi memastikan perancangan dan dasar yang dilaksanakan inklusif dan saksama kepada setiap lapisan masyarakat. Oleh demikian, sesi *engagement* dengan pemegang taruh (*stakeholder*) adalah merupakan keperluan yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam membuat sesebuah perancangan.

Dalam menyediakan perancangan untuk Rancangan Malaysia Ke-12 juga, satu sesi *engagement* yang dikelolakan oleh JKN Sarawak dijangkakan akan diadakan pada bulan Jun 2019. Ianya akan dihadiri oleh pengamal-pengamal perubatan Kerajaan dan swasta, pegawai peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan ibu pejabat KKM.

Pada masa yang sama, beberapa sesi '*Townhall*' / *engagement* bersama dengan pihak berkepentingan lain akan diadakan mengikut keperluan bagi memangkin dan membincangkan hala tuju kesihatan Negara.

KKM juga turut mengambil inisiatif dengan menyediakan saluran cadangan / idea berkaitan kesihatan secara terus kepada pengurusan tertinggi KKM melalui ruang laman web '*Ideas That Matter*' yang memberi peluang kepada seluruh anggota KKM untuk memberi input dan cadangan bernas bagi

meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan KKM kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RABIYAH BINTI ALI**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci transaksi pelupusan pegangan ekuiti dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan Persekutuan dan perancangan pelupusan pada masa depan dalam merasionalisasikan ekuiti milikan Kerajaan Malaysia.

NO SOALAN: 64

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, walau pun terdapat sebilangan syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang mengalami kerugian, Kerajaan masih lagi mengekalkan pegangan ekuiti dalam semua syarikat milik Kerajaan yang dimiliki melalui pemegangan saham oleh MKD berdasarkan keperluan berikut:

i. Mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategic;
ii. Penyediaan infrastruktur awam dan khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam (bas, rel dan sebagainya) dan utiliti (bekalan air, elektrik dan perkhidmatan pembetungan);
iii. Menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan kepada pewujudan industri baru;
iv. Menggalakkan pembangunan teknologi seperti aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D); dan
v. Memenuhi jurang pasaran *(market gap)*.

Dari segi prinsipnya, Kerajaan tidak seharusnya terlibat dalam perniagaan namun, sebarang bentuk merasionalisasikan penglibatan dan pegangan ekuiti Kerajaan dalam syarikat-syarikat ini yang telah ditubuhkan bagi objektif tertentu, perlu mengambil kira beberapa faktor termasuk nilai komersial yang telah dicipta dalam syarikat, kepentingan komersial dan strategik kepada pemegang saham (Kerajaan) dan kemampuan pemilik baru untuk membawa syarikat yang akan dilupuskan ke tahap yang lebih baik.

NO SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan kos yang ditanggung Kerajaan ke atas pelanggaran kontrak dan penangguhan projek ECRL.

NO SOALAN: 65

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan telah pun mengumumkan secara rasmi bahawa projek ECRL akan diteruskan dengan pengurangan kos projek yang ketara dan bakal melalui jajaran baharu yang akan memberi manfaat secara langsung kepada lima buah negeri.

Oleh yang demikian, tidak berbangkit isu pampasan yang perlu ditanggung Kerajaan ke atas pelanggaran kontrak pada masa ini malah projek berkenaan mendapat pakej kontrak yang lebih baik dan menjimatkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Garis Panduan Pemadanan Jawatan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU akan siap. Garis panduan ini amat diperlukan sebagai panduan kepada Kementerian-kementerian bagi pengambilan penjawat awam OKU demi memenuhi polisi kuota 1% yang ditetapkan oleh Kerajaan.

NO SOALAN: 66

JAWAPAN

Garis Panduan Pemadanan Jawatan dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya (OKU) telah pun disiapkan dan kini menunggu pengesahan dan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setelah disahkan, semua kementerian dan agensi kerajaan dapat menjadikannya rujukan utama untuk pemadanan jawatan kepada OKU.

Garis Panduan ini disediakan bagi memenuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010: Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada OKU. Tujuan garis panduan ini disediakan adalah sebagai rujukan kepada Ketua-Ketua Perkhidmatan, Pihak Berkuasa Melantik dan mana-mana agensi kerajaan bagi mengenalpasti perjawatan yang bersesuaian dengan keupayaan, kelayakan dan kemahiran seseorang OKU. Garis panduan ini telah disediakan dengan penglibatan pelbagai pihak iaitu Persatuan-Persatuan Sukarela OKU, agensi awam dan Pihak Berkuasa Melantik bermula tahun 2016 hinggalah deraf akhir disiapkan pada tahun 2018.

NO SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semua kelayakan selain SPM dan STPM bagi permohonan kemasukan pelajar ke IPTA, IPTS dan IPG memenuhi kehendak syarat lulus kepujian mata pelajaran Bahasa Malaysia (SPM).

NO SOALAN: 67

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap program pengajian yang ditawarkan di institusi pendidikan tinggi (IPT) mempunyai syarat-syarat kelayakan masuk tertentu. Syarat kelayakan masuk minimum tersebut telah digariskan di dalam standard program bidang pengajian masing-masing.

Antara syarat kelayakan masuk yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf, Sijil Vokasional Malaysia, Matrikulasi Asas, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Diploma atau setaraf.

Bagi kemasukan ke Institut Pendidikan Guru (IPG), salah satu syarat asas akademik bagi kemasukan pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) adalah mendapat sekurang-kurangnya **gred kepujian** dalam Bahasa Melayu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah maklumat terkini jumlah atau statistik peluang pekerjaan selama hampir satu tahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah dan perancangan Kerajaan dalam menyediakan 1 juta peluang pekerjaan sebagaimana termaktub dalam salah satu janji manifesto PRU-14 Kerajaan Pakatan Harapan.

NO SOALAN: 68

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada data secara suku tahunan bermula Mei 2018 sehingga Disember 2018 mengenai peluang pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 166,200 peluang pekerjaan. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada jumlah guna tenaga pada suku keempat pada tahun 2018 berjumlah 14,933.4 juta berbanding jumlah guna tenaga pada suku kedua pada tahun 2018 berjumlah 14,767.2 juta.

2. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), jumlah guna tenaga pada tahun 2020 dijangka akan mencecah 15,347.5 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 580,300 jumlah guna tenaga (anggaran 240,000 setahun) semenjak Kerajaan memerintah pada suku kedua pada tahun 2018.

3. Sehubungan itu, ini menunjukkan Kerajaan mampu menghasilkan peluang pekerjaan dalam anggaran 200,000 setahun. Dengan jumlah anggaran tersebut, Kerajaan menjangka dapat menghasilkan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun.

SOALAN : 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB SENATOR DATO' CHAI KIM SEN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019 (ISNIN)**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah persediaan Kementerian untuk bertindak dengan lebih agresif dalam mendepani isu diskriminasi minyak sawit biofuel yang dibangkitkan oleh Kesatuan Eropah (EU). Apakah tindak balas yang dicadangkan oleh pihak Kementerian terhadap EU sekiranya Akta Perwakilan EU tetap dilaksanakan.

SOALAN : 69

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sedang membuat kajian mengenai cadangan tindakan balas (*retaliation*), memandangkan industri sawit merupakan tonggak ekonomi negara dan dapat menjana sumber pendapatan bagi para pekebun kecil sawit. Walau bagaimanapun, pelbagai aspek perlu pertimbangan memandangkan Kesatuan Eropah (EU) merupakan rakan dagang yang penting untuk Malaysia. Implikasi juga perlu dikaji dalam hubungan dua hala yang terjalin erat serta lain-lain aspek yang melibatkan faedah bersama dalam jangka panjang. Di samping itu, kajian keseluruhan termasuk dari segi perundangan, teknikal dan saintifik juga sedang dipertimbang sebelum tindakan balas diambil.

Selain itu, Kementerian juga sedang membuat kajian untuk mengambil tindakan melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization* – WTO) iaitu *dispute settlement*. Walau bagaimanapun, proses ini akan boleh dimulakan sekiranya Delegated Act diluluskan oleh pihak EU. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan lain-lain Kementerian yang berkenaan dalam menangani isu tersebut di WTO.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah merangka beberapa langkah bagi mengatasi ancaman negara-negara EU terhadap industri sawit negara. Antaranya, Kerajaan secara konsisten telah dan akan terus:

i. mengkritik sekeras-kerasnya langkah yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah memandangkan ia dilihat sebagai langkah diskriminasi dan tidak adil terhadap industri sawit negara;

ii. memperjuangkan hak dengan menyuarakan bantahan terhadap langkah diskriminasi industri sawit negara di platform antarabangsa seperti *World Trade Organization* (WTO) melalui mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal Kepada Perdagangan (*Technical Barriers to Trade*), Majlis bagi Perdagangan Barangan (*Council for Trade in Goods*) dan Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (*Trade and Environment Committee*);

iii. bekerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit;

iv. bekerjasama negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau sepertimana yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Dua Hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut, ASEAN telah memutuskan untuk menangguhkan agenda penaiktarafan hubungan dialog ASEAN-EU ke peringkat Kerjasama Strategik (*Strategic Partnership*) pada satu tarikh yang akan datang; dan

v. Kementerian juga telah menyuarakan bantahan kepada negara anggota Kesatuan Eropah berhubung *Delegated Act* di bawah *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) tersebut yang dilihat akan mendiskriminasi industri sawit negara. Satu Lawatan Kerja Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha ke Belgium dan Belanda juga telah diadakan pada 5 hingga 13 Mac 2019 bertujuan untuk mengadakan perbincangan dua hala mengenai draf *delegated act* di bawah EU RED II bersama pihak Suruhanjaya Eropah.

Selain itu, kerjasama erat telah dijalinkan dengan Menteri Luar Negeri, Menteri Industri Utama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, dan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi terhadap industri sawit negara. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan atau program yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara khususnya di negara Kesatuan Eropah. Mesyuarat *Palm Oil War Room* (POWR) di peringkat Menteri bagi kementerian yang berkaitan juga akan diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai isu dan langkah yang wajar diambil bagi menangani kempen anti minyak sawit. Buat masa ini, Mesyuarat POWR yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama aktif diadakan pada peringkat pegawai dengan Kementerian-kementerian seperti di atas.

SOALAN : 69

Tuan Yang Di-Pertua,

Demi untuk memastikan alam sekitar terus diperlihara, Kementerian akan menghadkan keluasan tanaman sawit dan tidak akan membuka kawasan baharu serta memberi fokus kepada usaha peningkatan produktiviti. Kementerian sedang bekerjasama dengan beberapa Kementerian lain dalam membuat pemetaan tanaman sawit negara. Selain itu, Kementerian akan melaksanakan Skim Persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) secara mandatori menjelang 1 Januari 2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kementerian menolak permohonan bantuan tambahan yang dihantar oleh kerajaan negeri kepada MOF bagi membantu pekebun kecil getah di Sabah melalui bantuan musim tengkujuh. Ini tidak patutnya berlaku kerana berlawanan dengan manifesto Pakatan Harapan iaitu melindungi hak orang Sabah dan mengagihkan dana secara sama rata.

NO SOALAN: 70

JAWAPAN

Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM164.78 juta kepada RISDA melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi pemberian bantuan musim tengkujuh 2018/2019 kepada pekebun kecil getah.

Seramai 6,055 pengusaha/ pekebun kecil/ penoreh getah di Sabah yang berdaftar di bawah RISDA telah menerima bantuan tersebut, berbanding RM42.3 juta yang dipohon oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) melibatkan 70,594 pekebun kecil getah. Kriteria penerima BMT di bawah RISDA dihadkan kepada pengusaha tanah seluas 2.5 hektar dan ke bawah, sedangkan purata pemilikan tanah pekebun kecil di Sabah adalah 6 hektar.

NO SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan peranan MARDI selama ini dan rancangan Kerajaan untuk menjadikannya lebih berkesan pada masa akan datang.

NO SOALAN: 71

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pertanaian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui MARDI telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti yang dapat meningkatkan ekonomi rakyat melalui Projek Pembangunan yang dilaksanakan. Projek-Projek Pembangunan yang dilaksanakan adalah melibatkan aspek pertanian, ternakan dan agro pelancongan. Antara sumbangan MARDI yang sedang dan telah pun dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. **Padi dan Beras Negara**

   Memenuhi keperluan padi dan beras negara, melalui varieti baharu padi, penghasilan benih asas dan teknologi sistem pengeluaran di sepanjang rantaian nilai. Pembangunan varieti padi negara ditunjangi oleh MARDI dengan pembangunan varieti yang berhasil tinggi dan rintang kepada penyakit karah, isu padi angin, dan antara varieti yang dibangunkan dan mampu mencapai hasil tinggi adalah MR219, MR253, MR263, MR269. Kini, varieti ini juga digunapakai secara meluas di kawasan jelapang negara MADA, KADA, IADA dan terus menyumbang kepada pencapai SSL negara. Selain itu,Teknologi padi Clear Filed juga telah dihasilkan bagi mengatasi masalah padi angin iatu varieti MR220CL1 dan MR220CL2.

2. <u>Industri Buah-Buahan dan Sayuran</u>

Meningkatkan daya saing industri buah-buahan, sayur-sayuran tempatan, tanaman industri seperti ubian dan kelapa, tanaman herba terpilih melalui penghasilan varieti baharu, teknologi pengeluaran dan lepas tuai, serta pembangunan produk komersial. Bagi dua dekad yang lalu pelbagai perkembangan dan sumbangan yang menyumbang kepada industri buah-buahan dan sayuran-sayuran negara melalui penghasilan varieti buah-buahan seperti betik eksotika, nenas Josapine, tomato tanah rendah MT3 dan kobis tanah rendah. Pembangunan industri tanaman hortikultur disokong dengan penghasilan baja-baja yang seperti baja *Biochar, Zeolite* dan terkini *Biofixer.*

3. <u>Ternakan</u>

Menyokong perkembangan industri ternakan negara, melalui pengenalan baka baharu, sistem penternakan moden dan pengurusan makanan ternakan antaranya lembu baka Brakmas dan KK Elit (Kedah-Kelantan Elit).

4. <u>Pembangunan Usahawan</u>

Menunjangi pembangunan usahawan berasaskan teknologi, melalui latihan dan seminar serta penggunaan test-bed, inkubator teknologi dan ladang contoh. MARDI telah mengadakan latihan seperti seminar, bimbingan/ khidmat nasihat bagi memperkukuhkan keupayaan

usahawan dalam sektor pertanian dan pemerosesan makanan 4,500 peserta.

5. **Agropelancongan**

Mempelopori industri agropelancongan melalui pewujudan Taman Agroteknologi MARDI di Langkawi, Cameron Highlands, Cherating dan Kuala Kangsar, yang kini telah menjadi antara daya tarikan utama pelancong di Pulau Langkawai dan Cameron Highland.

6. **Industri Kelapa**

MARDI telah menghasilkan produk bernilai tinggi melalui penghasilan Modified Virgin Coconut Oil (MVCO) yang kini menembusi pasaran untuk makanan kesihatan negara. Bagi menyokong industri kelapa, MARDI telah mula memperkenalkan penghasilan kelapa hibrid Mylag, Marena, Myleca, Marleca, Careni dan Careca. Varieti kelapa hibrid ini mampu meningkatkan hasil kelapa sehektar sehingga 30,000 biji setahun. Usaha penghasilan benih dari varieti kelapa berkenaan sedang giat dilaksanakan bagi memperkukuh keperluan negara.

Sebanyak lebih 1,500 teknologi MARDI telah dibangun dan lebih 800 daripadanya telah dibuat penilaian. Hasil penilaian mendapati nilai teknologi yang dibangunkan adalah sebanyak RM56.4 juta dengan nilai niaga sebanyak RM358.8 juta.

NO SOALAN: 71

Selain itu, sejak tahun 2005 hingga 2018, sebanyak 115 teknologi MARDI telah berjaya di kormesialkan dan hal ini telah menunjukkan keberkesanan peranan MARDI selama ini. Bukan itu sahaja, teknologi-teknologi tersebut juga telah dapat menjana pendapatan sebanyak RM8.83 juta (*Technology Licensing Fees* (TLF), *Management Fees* (MF), Royalti, Yuran Konsultasi dan sebagainya)

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN LIM HUI YING**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Klinik Kesihatan Kerajaan di setiap KADUN, khususnya di Pulau Pinang.

NO SOALAN: 72

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan di peringkat penjagaan kesihatan primer. Perkhidmatan yang disediakan memberi fokus kepada penghasilan impak atau *outcome* kepada komuniti.

Jumlah keseluruhan fasiliti kesihatan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 110 buah klinik termasuk 30 Klinik Kesihatan, 5 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, 20 Klinik 1Malaysia dan 55 Klinik Desa.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, terdapat dua (2) buah Klinik Kesihatan baru yang sedang dan dalam proses pembinaan di Negeri Pulau Pinang iaitu Klinik Kesihatan Bandar Perda dan Klinik Kesihatan Air Putih. Klinik Kesihatan Bandar Perda dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2021 manakala Klinik Kesihatan Air Putih pula dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2022.

Terdapat juga dua (2) buah Jabatan Pesakit Luar di Negeri Pulau Pinang yang akan dinaik taraf menjadi Klinik Kesihatan iaitu Jabatan Pesakit Luar Hospital Sungai Bakap dan Jabatan Pesakit Luar Hospital Pulau Pinang. Klinik Kesihatan Sungai Bakap dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2019 manakala Klinik Kesihatan Georgetown pula dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2020.

Selain itu, tiga (3) buah Klinik Komuniti akan dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan Tahap 6 iaitu Klinik Kesihatan Valdor, Klinik Kesihatan Bukit Tengah dan Klinik Kesihatan Gelugor. Pada masa yang sama, terdapat sebuah Klinik Desa iaitu Klinik Desa Relau yang dalam proses penggantian menjadi Klinik Kesihatan Relau dan dijangka siap serta akan beroperasi pada tahun 2020.

Kementerian Kesihatan juga tidak bercadang untuk membina Klinik Kesihatan di setiap KADUN. Setiap satu Klinik Kesihatan dibina mengikut keperluan penduduk setempat dan jumlah populasi kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pembinaan Klinik Kesihatan yang baru atau menaik taraf Klinik 1Malaysia dan juga Klinik Desa sedia ada di seluruh negara akan dipertimbangkan bergantung kepada keperluan penduduk setempat dan juga kewangan negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik kes-kes yang melibatkan keselamatan mahasiswi di kampus serta pengkategorian berdasarkan negeri dan jenis universiti sama ada universiti awam dan swasta.

NO SOALAN: 73

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka terhadap persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat dalam menjamin kesejahteraan para pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia. Ini termasuklah mengambil perhatian serius terhadap sebarang bentuk ancaman yang boleh memberi risiko kepada pelajar IPT.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada IPT, isu keselamatan pelajar IPT berada dalam keadaan terkawal. Ini dapat dilihat daripada jumlah keseluruhan kes, yang mana secara perbandingannya adalah sangat kecil berbanding jumlah keseluruhan pelajar di IPT. Berdasarkan rekod, hanya satu aduan berkaitan keselamatan mahasiswi yang diterima bagi institusi pendidikan tinggi swasta bagi tahun 2018 hingga 2019. Perkara ini masih dalam siasatan di bawah Seksyen 354, Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, KPM tidak memandang ringan perkara ini dan sentiasa melaksanakan tindakan proaktif dan preventif bagi memastikan penularannya dapat dibendung di IPT.

Kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan (KPWKM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) serta agensi-agensi kerajaan lain

telah dilaksanakan dan akan sentiasa diteruskan bagi memastikan sebarang kes melibatkan keselamatan pelajar dapat dibendung.

KPM menaruh harapan yang tinggi agar segala pendekatan yang telah dan akan dilaksanakan ini dapat membina jati diri dan kekuatan diri pelajar IPT seterusnya mampu membendung mereka daripada terjebak dengan kes-kes melibatkan keselamatan ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah kesan-kesan sampingan yang akan berlaku sekiranya saiz perkhidmatan diperkecil dan kakitangan Kerajaan dikurangkan sedangkan realiti pekerjaan, tugas dan tanggungjawab makin bertambah; dan

(b) apakah strategi Kerajaan untuk menyelesaikan masalah sektor-sektor yang benar-benar memerlukan pertambahan kakitangan seperti sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

NO SOALAN: 74

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab pertanyaan (a), Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (DSKPA) telah dan akan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seiring dengan perkembangan teknologi semasa meliputi antaranya kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan. Ini bagi memastikan saiz perkhidmatan awam pada tahap yang terbaik untuk meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber.

Saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan memberi kesan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat. Sehubungan itu, Kerajaan menyasarkan pengurangan sebanyak 1% perjawatan bagi tahun 2019 melibatkan pelbagai gred dan skim perkhidmatan dengan anggaran penjimatan sebanyak RM2.18 bilion. Perjawatan yang dikenal pasti untuk dimansuhkan ini antaranya jawatan kosong yang tidak diperlukan, jawatan di agensi yang mempunyai pertindihan fungsi, pemansuhan jawatan bagi perkhidmatan yang boleh diautomasi dan diserah urus fungsi (outsourcing) serta perkhidmatan alternatif. Sehubungan itu, Kerajaan menjangkakan

ianya tidak akan memberi kesan kepada tugas-tugas sedia ada memandangkan jawatan-jawatan yang dimansuhkan ini merupakan jawatan yang tidak diperlukan dan tidak melibatkan penyandang sedia ada. Tiada pengurangan kakitangan awam dalam pelaksanaan dasar ini.

Bagi menjawab pertanyaan (b), sektor utama yang memberi perkhidmatan terus kepada rakyat seperti sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan tidak akan terjejas dengan pelaksanaan dasar ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah-masalah 587 buah sekolah daif, tapak-tapak sekolah yang belum mempunyai geran, sekolah-sekolah yang belum memperoleh "Occupation Certificate (OC)" atau "Certificate of Fitness (CF)", sekolah-sekolah yang dibina di atas tanah persendirian, syarikat dan tanah simpanan sebanyak 36 buah dan perkongsian bangunan 9 buah sekolah (sesi pagi dan petang) di negeri Sabah.

NO SOALAN: 75

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan infrastruktur pendidikan sentiasa berada dalam keadaan yang kondusif untuk pembelajaran. Bagi pembangunan semula sekolah daif pada tahun 2019, Kementerian telah membuat penambahbaikan melalui penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan yang bersesuaian serta skop pembinaan yang lebih menyeluruh.

Bagi memastikan semua sekolah daif dapat dibangunkan semula, KPM akan melaksanakan secara berfasa berdasarkan skala impak yang telah dibangunkan. Keutamaan untuk pelaksanaan pembangunan semula dan naik taraf diberikan kepada sekolah yang telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan teknikal KPM.

Untuk memastikan isu sekolah daif ini dapat ditangani, peruntukan yang mencukupi perlu disediakan. Bagi tujuan ini, KPM saban tahun mengemukakan keperluan peruntukan kepada pihak Kementerian Kewangan. Bagi tahun 2019, di negeri Sabah telah diluluskan sebanyak RM10 juta bagi pembangunan semula sekolah daif. KPM akan terus mengemukakan keperluan peruntukan ini kepada pihak Kementerian Kewangan di samping mengenal pasti kaedah lain yang boleh dilaksanakan antaranya seperti *monetization*.

NO SOALAN: 75

Berhubung tapak sekolah yang belum mempunyai geran, KPM sedang dalam usaha melaksanakan program pemutihan tapak iaitu semua sekolah kerajaan yang telah dibina di atas tanah bukan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) akan dibuat perolehan tanah bagi mendapatkan geran hak milik PTP.

Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2019, sebanyak 429 buah sekolah telah dikenal pasti masih belum memiliki sijil layak menduduki (CF/CCC). Pihak Kementerian sedang berusaha untuk membuat perundingan bersama Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani dan memastikan sekolah-sekolah terbabit mempunyai sijil layak menduduki (CF/CCC) kelak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM

TARIKH : 22 APRIL 2019

DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan jangka panjang, sederhana dan pendek MITRA untuk memastikan pembangunan inklusif masyarakat India golongan M40 dan B40 di Malaysia serta bagaimanakah rancangan-rancangan tersebut akan dilaksanakan dan apakah perbezaannya dari Malaysian Indian Blueprint Kerajaan sebelum ini.

SOALAN: 76

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan inklusif masyarakat India khususnya usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India memerlukan pendekatan secara holistik dan menyeluruh. Ini bermakna apa-apa perkara yang dapat meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat ini akan terus dilaksanakan bagi memastikan impak maksimum dapat diperoleh ke atas golongan sasar.

Seperti mana kita semua sedia maklum, kebanyakan masyarakat India di negara ini adalah terdiri daripada golongan B40. Dalam hal ini, perhatian khusus diberikan kepada golongan ini di mana MITRA memperkenalkan dan merancang program-program berimpak tinggi dengan menggunakan kos secara optimum dalam usaha meningkatkan taraf hidup, status dan keupayaan masyarakat India secara keseluruhannya. Ini termasuklah memperkenalkan program-program memperkasa wanita dan ibu tunggal, program keusahawanan, program pendidikan kumpulan B40 bermula dari program prasekolah sehingga program pembangunan kemahiran serta program-program latihan khas dalam bidang seperti *oil and gas*, automatif, mekatronik dan pembangunan kerjaya yang melibatkan pelbagai bidang ekonomi,

teknologi maklumat, perhotelan dan lain-lain. Pendek kata, MITRA berhasrat mencapai objektif akhir untuk membantu kumpulan secara adil supaya jurang perbezaan sosioekonomi inter dan intra kaum dapat ditangani.

Berhubung dengan Pelan Tindakan Masyarakat India yang dikeluarkan di bawah pentadbiran Kerajaan terdahulu, MITRA telah pun mengambil kira, merangkumkan dan menerapkan 4 bidang utama di bawah pelan tersebut iaitu memenuhi keperluan asas; merealisasikan potensi setiap kanak-kanak; meningkatkan pendapatan dan kekayaan; dan peningkatan penyertaan sosial ke dalam 6 bidang yang akan diberi tumpuan iaitu:

(i) Pendidikan dan Latihan;

(ii) Ekonomi dan Kerjaya;

(iii) Kebajikan dan Kesejahteraan Sosial;

(iv) Identiti dan Keterangkuman;

(v) Projek-projek Khas; dan

(vi) Perancangan Dasar.

SOALAN: 76

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara keseluruhannya, MITRA mempunyai peranan penting untuk membantu dalam pembangunan masyarakat India di negara ini dan secara khususnya untuk golongan B40. Dalam hal ini, saya ingin menjelaskan bahawa MITRA sedang berusaha keras untuk membantu semua golongan masyarakat India yang memerlukan tanpa memberikan fokus kepada golongan-golongan tertentu atau terpilih sahaja untuk mencapai pembangunan yang inklusif.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan kepada Kementerian dari Sarawak serta langkah-langkah baru yang dikenakan oleh Kementerian untuk mempercepatkan pemprosesan tersebut demi mengatasi tunggakan permohonan yang kian bertambah.

NO SOALAN: 77

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 31 Mac 2019, sebanyak 6,236 permohonan kewarganegaraan dari negeri Sarawak telah diterima oleh Kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan tanpa mengira kaum secara berperingkat selaras dengan syarat-syarat dalam Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan perundangan yang berkuat kuasa.

Bagi memperkemas dan melancarkan proses permohonan kewarganegaraan, Kementerian juga sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian SOP Permohonan Kewarganegaraan terutamanya permohonan yang melibatkan individu berumur bawah 21 tahun. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek iaitu kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

NO SOALAN: 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah perlaksanaan dan penguatkuasaan Pelan Anti Rasuah Nasional bagi memperbaiki kedudukan negara dalam indeks persepsi rasuah.

NO SOALAN: 78

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan adalah merupakan langkah utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memantapkan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan mengenai tadbir urus, integriti dan antirasuah yang meliputi semua aspek berpandukan risiko rasuah di pelbagai sektor dan perkhidmatan. Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) bertanggungjawab bagi penyelarasan, pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan pelan tersebut. Sehingga kini, pelbagai inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah telah dilaksanakan berdasarkan NACP.

2. Usaha-usaha ini dilaksanakan dan dipantau melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. JKKMAR ini merupakan platform yang berkesan di peringkat tertinggi bagi membincangkan isu-isu berkaitan integriti dan antirasuah yang melibatkan semua sektor termasuklah perkhidmatan awam. Secara prinsipnya, melalui JKKMAR usaha membendung perlakuan rasuah dilaksanakan secara berterusan dan merangkumi aspek punitif, pencegahan, pendidikan dan pembudayaan integriti serta governans.

3. Setiap kementerian atau agensi pula perlu membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing berdasarkan NACP. Laporan secara berkala bagi status pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang berkaitan perlu diserahkan kepada pihak GIACC untuk pemantauan dan

penilaian. Perbincangan bersama-sama agensi peneraju inisiatif yang terkandung dalam NACP juga akan diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan usaha berterusan dilaksanakan dan menghapuskan amalan rasuah dalam negara yang secara langsung akan menurunkan indeks persepsi rasuah dalam negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. YAAKOB BIN SAPARI**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara setelah Kerajaan menghapuskan GST dan berapakah sasaran yang boleh dicapai pada tahun 2019.

NO SOALAN: 79

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah menetapkan sasaran paras defisit fiskal tahun 2019 pada 3.4% daripada KDNK. Sasaran kedudukan kewangan ini mengambil kira anggaran hasil berkaitan petroleum (tidak termasuk dividen PETRONAS) berdasarkan andaian purata tahunan harga minyak mentah dunia *(Dated Brent)* pada USD70 setong. Pada 12 April 2019, harga minyak mentah Brent adalah pada paras USD71 setong.

2. Walaupun Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah dimansuhkan dan hasil Kerajaan berkurang sekitar RM23.6 bilion bagi tahun 2018, Kerajaan telah mengutip sebanyak RM5.4 bilion bagi tempoh September hingga Disember 2018 daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST). Jumlah ini telah melebihi sasaran kutipan SST 2018 yang berjumlah RM4 bilion.

3. Bagi tahun 2019, Kerajaan dijangka dapat mengutip hasil daripada SST sebanyak RM22 bilion. Selain pelaksanaan SST bagi menggantikan GST, antara langkah utama meningkatkan pendapatan negara adalah seperti berikut:

i. Mengenakan Cukai Perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport termasuk perkhidmatan atas talian;

ii. Mengkaji semula layanan cukai dan insentif sedia ada di bawah pelbagai perundangan bagi memastikan ianya relevan dan dapat mengurangkan ketirisan hasil;

iii. Memperkemas Cukai Keuntungan Harta Tanah (Real Property Gains Tax) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya;

iv. Menaikkan kadar duti setem bagi pemindahan hartanah bernilai lebih RM1 juta daripada 3% kepada 4%;

v. Mengkaji semula insentif percukaian pusat kewangan antarabangsa Labuan (IBFC);

vi. Pengenaan duti eksais ke atas minuman bergula;

vii. Melancarkan Program Khas Pengakuan Sukarela (Special Voluntary Disclosure Programme) bagi meningkatkan pengisytiharan pendapatan oleh pembayar cukai secara sukarela; dan

viii. Mengenakan levi pelepasan (departure levy) bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara.

4. Seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019, di bawah strategi meningkatkan hasil dan memastikan kemapanan fiskal jangka panjang, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC) bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baru. Langkah-langkah lain adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) dengan pihak berkuasa percukaian lain di bawah inisiatif *Organisation*

for Economic and Co-Operation and Development (OECD) untuk meningkatkan ketelusan percukaian;

ii. Menamatkan pengecualian cukai pendapatan faedah yang diperolehi daripada dana pasaran wang pemborong *(wholesale money market funds)* kerana dana ini telah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada kadar 24% setiap tahun sejak 2010;

iii. Menaikkan kadar cukai, fi dan levi ke atas sektor perjudian yang tidak dinaikkan sejak tahun 2005; dan

iv. Meningkatkan usaha membanteras aktiviti penyeludupan dan penipuan khususnya penyeludupan rokok oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

5. Kerajaan juga akan melaksanakan inisiatif memanfaat aset yang meliputi langkah mengurangkan pegangan dalam syarikat bukan strategik serta menambah baik kaedah penjualan aset Kerajaan khususnya melalui tender terbuka. Di samping itu, sasaran defisit fiskal pada 3.4% tersebut masih belum mengambil kira langkah-langkah percukaian baharu yang dapat mengimbangi pengurangan hasil kesan daripada ketidaktentuan harga pasaran minyak mentah dunia.

NO SOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SAMBANTHAN A/L MANICKAM**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Sambanthan A/L Manickam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai penubuhan satu jawatankuasa khas bagi membantu masyarakat India dalam pelbagai aspek iaitu Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA). Namun demikian, jawatankuasa tersebut tidak dikenali umum atau maklumatnya tidak diperoleh oleh masyarakat di peringkat akar umbi. Adakah ia hanya memberikan fokus kepada golongan tertentu dan terpilih sahaja.

NO SOALAN: 80

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Ahli Yang Berhormat,

Seperti mana kita semua sedia maklum, di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional terdahulu, Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) telah diwujudkan dengan matlamat utama untuk meningkatkan taraf sosioekonomi kaum India di Malaysia. Namun begitu, terdapat banyak persoalan dan perkara yang timbul mengenai peruntukan yang ditetapkan dan juga berkenaan pengagihan dan pengendalian projek di bawah SEDIC. Terdapat banyak persoalan yang timbul di mana masyarakat India khususnya di peringkat akar umbi tidak dapat menikmati pembangunan sosioekonomi secara keseluruhan; pendek kata program-program yang dijalankan tidak sampai kepada rakyat.

Justeru itu, SEDIC telah menjalani perubahan drastik dalam usaha memastikan unit ini adalah bersifat *people centric* dan sentiasa relevan khususnya kepada masyarakat India di negara ini serta pada masa yang sama sentiasa peka kepada objektif penubuhan, iaitu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India. Pada bulan Disember 2018, Kabinet telah mengambil maklum bahawa unit SEDIC dijenamakan semula menjadi Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (atau lebih dikenali sebagai MITRA) bagi membolehkan satu nafas baru diberikan kepada masyarakat India di negara ini. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan di sini bahawa MITRA memainkan peranan penting untuk pembangunan masyarakat India

di negara ini secara keseluruhan dan tidak hanya memberikan fokus kepada golongan tertentu dan terpilih sahaja. Saya juga ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa saya percaya masyarakat India khususnya di peringkat akar umbi telah mula mengenali MITRA.

Portal www.mitra.gov.my dan *Facebook* MITRA telah diwujudkan bagi membantu masyarakat India untuk mengenali program-program MITRA yang lepas dan akan datang. Siaran demi siaran berkaitan MITRA di media cetak khususnya akhbar Tamil, merupakan bukti bahawa masyarakat India di negara ini sememangnya telah mula mengenali peranan penting yang dimainkan oleh MITRA. Di samping itu, MITRA juga telah beberapa kali ke siaran udara melalui televisyen dan radio dan saya percaya ini semua telah menarik ramai masyarakat India untuk mengenali MITRA.

Selanjutnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITRA telah mengadakan sesi *outreach* sewaktu perayaan Thaipusam pada tahun ini dalam usaha menarik lebih ramai masyarakat India khususnya di peringkat akar umbi untuk mendekati dan mengenali MITRA. Oleh itu, saya percaya tidak timbul isu atau persoalan bahawa masih ramai tidak mengenali MITRA.

Selain itu, MITRA akan memperkenalkan dan merancang program-program berimpak tinggi dengan menggunakan kos secara optimum dalam usaha meningkatkan taraf hidup, status dan keupayaan masyarakat India secara keseluruhannya. Ini termasuklah memperkenalkan program-program memperkasa wanita dan ibu tunggal, menggalakkan pemilikan rumah, program keusahawanan, program pendidikan kumpulan B40 bermula dari program prasekolah sehingga program pembangunan kemahiran serta

program-program latihan khas dalam bidang *oil and gas,* automatif, mekatronik dan pembangunan kerjaya yang melibatkan pelbagai bidang ekonomi, teknologi maklumat, perhotelan serta lain-lain.

Sebagai sebuah unit yang bersifat *people centric*, MITRA akan memastikan peruntukan dan bantuan sampai kepada golongan masyarakat India terutamanya kumpulan B40 di seluruh Malaysia secara adil supaya jurang polarisasi sosioekonomi inter dan intra kaum dapat ditangani. Sehubungan itu, pentadbiran MITRA juga terdiri daripada penglibatan pegawai kerajaan (seperti skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), guru dan juga pegawai penyelidik) dan pegawai swasta agar unit ini dapat berfungsi secara cekap dan kombinasi idea-idea kerajaan dan swasta dalam usaha membangunkan taraf sosioekonomi masyarakat India.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyelesaikan isu kesesakan terutamanya jalan-jalan raya utama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya di waktu kemuncak.

NO SOALAN: 81

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam langkah mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka beberapa strategi di antaranya adalah dengan melaksanakan inisiatif menggalakkan penggunaan Sistem Pengangkutan Awam seperti bas dan sistem rel iaitu Monorail LRT dan MRT bagi tujuan mengatasi kesesakan khususnya di pusat bandar.

DBKL telah menetapkan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk memastikan pengguna pengangkutan awam di pusat bandar mencapai 60% pada tahun 2020 dan pengguna pengangkutan awam di kawasan luar pusat bandar 40%.

Untuk mencapai sasaran tersebut beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuk pembinaan sistem "*Park and Ride*" di stesen rel di luar pusat bandar, pembinaan Hentian Akhir Bandar yang selamat dan pembinaan rangkaian Laluan Pejalan Kaki Berbumbung dan Tidak Berbumbung yang selesa.

DBKL telah melaksanakan penggurangan penyediaan tempat letak kereta dalam syarat pembangunan baru yang berhampiran koridor dan stesen transit. Selain daripada itu, DBKL juga sedang dalam proses sama ada membatalkan kemudahan "*On Street Parking*" atau menaikkan kadar caj bayaran tempat letak kereta tepi jalan yang akan menjadikan kos membawa

kenderaan persendirian bertambah tinggi dan jauh berbeza dengan kos jika menggunakan pengangkutan awam.

DBKL juga sedang mengkaji kadar lesen sewa lot-lot dan bangunan Tempat Letak Kereta Swasta untuk dinaikkan kadar yang lebih tinggi. Keadaan ini akan memaksa pengusaha menaikan caj Meletak Kereta Persendirian menjadi lebih tinggi. Tindakan ini secara langsung akan memindahkan penggunaan kenderaan persendirian ke pengangkutan awam.

NO SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan merombak semula ketetapan yang ditentukan mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai kategori bandar, separuh bandar, luar bandar dan kawasan pendalaman ketika pembahagian jumlah pemilih kawasan pilihan raya parlimen dan negeri.

NO SOALAN: 82

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira ketetapan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai kategori bandar, separuh bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman. Prinsip-prinsip persempadanan di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

(i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;

(ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;

(iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, maka luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

(iv) Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

NO SOALAN: 82

Prinsip-prinsip persempadanan yang terkandung di dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan telah diguna pakai semasa urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya yang lepas. Pada masa sekarang, Kerajaan berpandangan bahawa prinsip- prinsip tersebut masih lagi relevan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembahagian jumlah pemilih bagi sesuatu bahagian pilihan raya tidak hanya bersandarkan kepada faktor kepadatan penduduk sahaja. Faktor-faktor lain seperti faktor geografi, keadaan bentuk muka bumi yang berbeza serta kemudahan pentadbiran dalam sesebuah kawasan/tempat hendaklah juga dipertimbangkan. Pada amnya, kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat, saiznya lebih kecil serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil, bertaburan dan kemudahan pentadbiran yang terhad.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan mempunyai pengurusan sumber manusia bagi pelan bertindak kesihatan atau pelan utama kesihatan dan apakah sasaran yang telah ditetapkan bagi memastikan kecukupan dan kesesuaian pengurusan sumber manusia yang terdapat di negara ini.

NO SOALAN: 83

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai perancangan tenaga manusia bagi perkhidmatan kesihatan yang disampaikan di peringkat Kementerian.

Bagi setiap hospital dan klinik kesihatan, jumlah perjawatan diwujudkan berdasarkan norma perjawatan dan norma perkhidmatan standard mengikut jenis hospital dan fasiliti kesihatan. Buat masa ini, jumlah perjawatan yang diwujudkan dan pegawai yang mengisi jawatan disifatkan sebagai mencukupi.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat kekangan untuk mewujudkan perjawatan baharu, KKM telah melaksanakan lantikan kontrak bagi tiga (3) skim perkhidmatan utama (Perubatan, Pergigian dan Farmasi) serta Paramedik dan Auksiliari tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan. Pelaksanaan lantikan secara kontrak ini bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan yang baik kepada rakyat dapat diteruskan.

Kementerian juga sedang mengumpul maklumat berkaitan dengan keperluan jawatan di hospital dan fasiliti kesihatan khususnya yang akan dirancang untuk dibina atau dinaik taraf dalam tempoh tiga (3) tahun ke hadapan bagi menambah baik perancangan tenaga manusia dan permohonan kepada Agensi Pusat.

NO SOALAN: 83

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah kawalan lebih cekap dilakukan terhadap kes-kes penyelewengan LPG Bersubsidi di seluruh negara pada tahun 2019.

NO SOALAN: 84

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha untuk mencegah ketirisan dan penyelewengan barangan kawalan bersubsidi seperti tepung gandum kegunaan am, minyak masak dan Gas Petroleum Cecair (LPG).

Melalui penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Bekalan 1961** dan **Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974** sebanyak **253** cubaan menyeleweng LPG bersubsidi telah berjaya dipatahkan dengan nilai rampasan hampir **RM 5 juta** bagi **tempoh Januari 2018 hingga Mac 2019**. Kesemua mereka yang terlibat berhadapan dengan hukuman denda sehingga RM3 juta atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Selain hukuman denda, tindakan penggantungan dan pembatalan lesen turut dikenakan ke atas mana-mana pihak yang bersekongkol atau terlibat secara langsung dalam kegiatan tidak bertanggungjawab ini.

Bagi membanteras aktiviti penyelewengan ini, tindakan penguatkuasan yang holistik telah dilaksanakan di bawah operasi khas yang diberi nama (OPS GASAK 3). Ia menjurus kepada *high impact enforcement* dalam membanteras penyelewengan gas LPG bersubsidi. Sasaran utama operasi ini ialah di peringkat industri (dalam negara) serta di **peringkat rentas sempadan** (cross boarder). Semua agensi-agensi penguatkuasaan utama telah digembleng bersama bagi menjayakan operasi ini. Di antara agensi penguatkuasaan yang terlibat adalah Polis DiRaja Malaysia,

Pasukan Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan juga Agensi Kawalan Sempadan Malaysia.

Di **peringkat sektor industri**, usaha sedang dijalankan bagi memastikan industri tidak menggunakan silinder LPG bersubsidi dan bekalan LPG yang mereka terima samada dalam bentuk silinder komersil ataupun *bullet-tank* adalah daripada sumber-sumber yang sah. Bagi tujuan ini, Kementerian sedang mengadakan kerjasama dengan agensi seperti Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Bomba serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani perkara berkaitan kelulusan lesen, kebenaran membeli dan menyimpan LPG serta spesifikasi keselamatan berkaitan penggunaan LPG di premis-premis terlibat.

NO SOALAN: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen pihak Kementerian dalam memberikan penumpuan khusus terhadap pembangunan kanak-kanak 'prodigy' di negara kita secara komprehensif dan holistik supaya mereka dapat menyumbang bakat keistimewaan mereka kepada negara pada masa hadapan.

NO SOALAN: 85

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan pendidikan khusus bagi kanak-kanak '*prodigy'* atau dikenali sebagai kanak-kanak pintar dan berbakat melalui keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2008. Program ini dikenali sebagai Program PERMATApintar yang dilaksanakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program ini telah berjaya mengenal pasti lebih 5,000 kanak-kanak '*prodigy'* sejak tahun 2009 melalui dua (2) ujian IQ iaitu Ujian UKM1 dan UKM2 yang dibina oleh pakar-pakar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Program PERMATApintar ini adalah program pendidikan khusus untuk kanak-kanak '*prodigy'* yang sangat komprehensif dan menawarkan empat (4) aktiviti pendidikan pintar dan berbakat seperti yang ditawarkan oleh pusat-pusat pendidikan pintar dan berbakat di dunia seperti di *Center for Talented Youth – Johns Hopkins University*. Setiap tahun Pusat PERMATApintar Negara akan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut;

1. mengenal pasti kanak-kanak pintar dan berbakat dari bulan Januari sehingga bulan September;

2. menyediakan program pengayaan yang dikenali sebagai Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS) berteraskan STEM yang ditawarkan pada masa cuti sekolah bulan Disember;

3. Pendidikan Menengah Rendah dan Menengah Tinggi yang ditawarkan melalui Kolej PERMATApintar; sebuah sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan Kerajaan berasrama dan terletak di dalam kampus di UKM; dan

4. Pendidikan Pra-Universiti melalui Program ASASIpintar yang dilaksanakan oleh UKM.

Pelajar-pelajar yang melalui pendidikan di Pusat PERMATApintar Negara sama ada di Kolej PERMATApintar atau di ASASIpintar, melalui pelbagai laluan akademik di peringkat pengajian tinggi. Sehingga kini lebih daripada 800 orang pelajar dari Kolej PERMATApintar telah berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti termuka di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Korea, China, Australia dan Malaysia sendiri.

Pendidikan yang disediakan di Kolej PERMATApintar dan di ASASIpintar adalah berbentuk holistik dengan mengambil kira penekanan terhadap jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Penekanan juga diberikan kepada pembinaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi melalui aktiviti pengajaran yang berbeza, penyelidikan dan falsafah serta pelaksanaan aktiviti kesukarelawan dan kerohanian.

Penekanan kepada keseimbangan perkembangan otak kanan dan kiri juga diberi perhatian yang serius melalui aktiviti berkarya dalam mata pelajaran seperti muzik, seni visual, seni persembahan dan sukan selain daripada pelbagai mata pelajaran sains dan matematik pada tahap yang lebih tinggi

termasuk kursus matematik yang ditawarkan di tahun 1 peringkat universiti. Pelajar juga didedahkan dengan pelbagai kursus *Advanced Placement* yang ditawarkan oleh *American College Board* bagi memastikan peluang mereka untuk masuk ke universiti terkemuka dunia menjadi lebih cerah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tahap keselamatan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat selepas insiden memeras ugut rakyat Malaysia yang dilakukan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI) dan apakah tindakan Kementerian dalam isu ini.

NO SOALAN: 86

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tahap keselamatan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat selepas berlakunya insiden memeras ugut rakyat Malaysia yang dilakukan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI) adalah dalam keadaan baik dan terkawal.

Insiden memeras ugut yang berlaku di Serian ini, merupakan kes terpencil dan jarang berlaku. Kes telah dapat diselesaikan dengan baik atas dasar persefahaman serta kesepakatan antara dua negara. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama TNI telah membuat siasatan dalaman secara bersama bagi membuat penilaian awal kesahihan insiden. Setelah didapati insiden berlaku di sempadan dalam kawasan Malaysia dan disahkan oleh kedua-dua pihak, seterusnya laporan dimajukan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjut kerana melibatkan aduan terhadap kesalahan jenayah.

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengambil beberapa langkah dalam menangani isu ini dari berulang dengan cara:

1. Memperkukuhkan lagi hubungan baik dalam pertahanan dengan Indonesia demi menjaga kepentingan kedua-dua negara. Forum-forum seperti *General Border Committee* (GBC) Malindo dan jawatankuasa di bawahnya digunakan untuk membincangkan permasalahan bersama yang dihadapi;

2. Meningkatkan usaha sama antara ATM dan TNI khususnya dalam mencegah dan mengatasi isu-isu keselamatan di sempadan negara melalui rondaan dan kawalan kawasan sempadan;

3. Mengadakan kolaborasi yang lebih erat dan kerap dengan pihak berkuasa Indonesia khususnya di pintu masuk sempadan; dan

4. Memperagakan kehadiran anggota ATM untuk menyemai rasa selamat di kalangan rakyat.

NO SOALAN: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kenderaan pacuan empat roda (four wheel drive) yang dimiliki oleh JAKOA di setiap negeri.

NO SOALAN: 87

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 1 April 2019, bilangan kenderaan pacuan empat roda (*four wheel drive*) yang dimiliki oleh JAKOA adalah sejumlah 76 buah.

Pecahan bilangan kenderaan tersebut mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut :

Pahang	– 25 buah;
Perak	– 23 buah;
Kelantan	– 13 buah;
Johor	– 6 buah;
Negeri Sembilan	– 4 buah;
Selangor	– 3 buah; dan
Terengganu	– 2 buah.

Selain kenderaan-kenderaan ini, JAKOA juga mempunyai lori, van, dan bas untuk tujuan pengangkutan masyarakat orang asli di seluruh Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ZAIEDI SUHAILI**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Unit Rondaan Bermotosikal dan bilangan Van Polis Bergerak di Sarawak hingga tahun 2018 dan apakah perancangan yang diaturkan untuk menambah bilangannya.

NO SOALAN: 88

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Unit Rondaan Bermotosikal (URB) telah diwujudkan dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan jenayah dan memperlihatkan kehadiran polis (*omnipresence*) di kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan berisiko tinggi berlakunya jenayah seperti di kawasan perumahan, kawasan tumpuan ramai dan kawasan komersil. Dengan adanya unit URB ini juga, kawasan rondaan dapat diperluaskan dan ketibaan anggota polis ke tempat kejadian adalah dalam jangka masa yang singkat.

Bagi Negeri Sarawak, pembekalan motosikal untuk URB telah dimulakan sejak tahun 2013. Jumlah motosikal yang telah diagihkan kepada Kontinjen Sarawak yang terdiri daripada 28 IPD sehingga tahun 2019 adalah sebanyak 255 buah.

Manakala bagi Balai Polis Bergerak untuk Kontinjen Sarawak, terdapat 10 buah kenderaan balai polis bergerak jenis van yang meliputi enam daerah iaitu, IPD Bintulu (1) buah, IPD Kuching (3) buah, IPD Limbang (1) buah, IPD Miri (2) buah, IPD Sibu (2) buah dan IPD Sri Aman (1) buah. Dalam Projek RMK11, tiada cadangan bagi pembelian baharu untuk penambahan balai polis bergerak dalam pasukan Polis Diraja Malaysia memandangkan jumlah balai polis bergerak sedia ada mencukupi untuk menampung penugasan. Walau bagaimanapun PDRM sentiasa membuat kajian dari semasa ke semasa untuk membuat perolehan jika terdapat keperluan

berbuat demikian di masa hadapan dan akan dimasukkan dalam RMK yang akan datang.

NO SOALAN: 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang yang belum dijelaskan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah daripada cukai dan hasil yang dikutip daripada Negeri Sabah setiap tahun sebanyak dua per lima bersamaan 40% menurut peruntukan Jadual Sepuluh (10) Bahagian IV 2(1) Perlembagaan Persekutuan.

NO SOALAN: 89

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada wakil Persekutuan serta Sabah dan Sarawak, diberi tempoh selama enam (6) bulan untuk melaksanakan kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan serta dijadualkan melengkapkan laporan hasil rundingan pada pertengahan tahun ini.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu- isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

SOALAN : 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' ONG CHONG SWEN
TARIKH : 22 APRIL 2019

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bila Kerajaan akan menggubal undang-undang yang akan menangani isu gangguan seksual, kerana undang-undang sedia ada terhad kepada pekerja sahaja di bawah Akta Pekerja.

SOALAN : 90

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Malaysia tidak mempunyai satu undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual, walau bagaimanapun terdapat beberapa peruntukan yang agak komprehensif khususnya peruntukan dalam undang-undang, garis panduan dan kod amalan yang boleh digunapakai untuk isu-isu berkaitan gangguan seksual iaitu:

i. Kanun Keseksaan (Akta 574);

ii. Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265);

iii. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999); dan

iv. Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 5 Tahun 2018

Kementerian sedang melihat keperluan sama ada untuk menggubal satu akta khusus yang bersesuaian bagi menangani isu gangguan seksual atau melihat keperluan untuk memperkemas dan memperkukuhkan peruntukan perundangan sedia ada bagi melengkapkan lagi peruntukan perundangan sediada terutama dalam aspek perlindungan.

SOALAN : 90

Kementerian sedang mengkaji *'best practices'* yang dilaksanakan di luar negara bagi melihat aspek terbaik yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menggubal akta yang berkaitan, sekiranya diperlukan. Di samping itu, Kementerian juga mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan input-input yang diperlukan bagi cadangan penggubalan satu akta khusus gangguan seksual.

Kementerian berpandangan bahawa perlu satu gerakan menyeluruh bagi memperkasakan pengetahuan berhubung peruntukan undang-undang sedia ada terutama kesedaran mengenai undang-undang yang berkaitan dengan gangguan seksual di dalam Kanun Keseksaan. Di samping itu adalah penting juga untuk menyediakan sistem sokongan yang lebih efektif bagi membolehkan mangsa gangguan seksual lebih berani tampil ke hadapan membuat aduan sekiranya rasa terancam, terganggu atau terhina oleh mana-mana perbuatan atau kelakuan berbaur seksual.

NO SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LEE TIAN SING**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kadar keberkesanan penyaluran bantuan dan subsidi kepada para petani dan nelayan selepas proses pemutihan dijalankan. Adakah syarat dan kriteria terbaru yang ditetapkan kepada golongan yang layak menerima bantuan dan subsidi berkenaan adalah lebih bersifat mesra rakyat dan tidak membebankan.

NO SOALAN: 91

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi memastikan keberkesanan bantuan dan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan diberikan kepada kumpulan sasar yang benar-benar layak, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya sedang melaksanakan proses pemutihan secara berterusan.

Bagi sub-sektor perikanan, kriteria-kriteria pemutihan adalah seperti berikut:

1. Keaktifan nelayan turun menangkap ikan khususnya bagi nelayan yang berusia lebih 70 tahun;

2. Rekod pengisytiharan pendaratan ikan secara bulanan; dan

3. Kekerapan pembelian minyak bersubsidi nelayan.

Di samping itu, penyelarasan integrasi data dan sistem maklumat berkaitan insentif dan subsidi kepada nelayan juga dilaksanakan bagi memastikan senarai penerima sentiasa dikemaskini. Melalui proses pemutihan elaun sara hidup yang dijalankan, seramai 8,401 orang nelayan laut dan 985 orang nelayan darat tidak lagi layak menerima bantuan. Bagi memastikan proses pemutihan yang dilaksanakan bersifat mesra rakyat dan tidak membebankan, rayuan boleh dibuat oleh nelayan untuk dipertimbangkan semula.

NO SOALAN: 91

Manakala bagi sub-sektor padi beras, proses pemutihan dilaksanakan berdasarkan:

1. Semakan semula senarai penerima subsidi; dan

2. Keluasan tanah yang digunakan untuk bertanam padi.

Selain itu, jumlah bilangan pesawah yang telah dikemaskini adalah kira-kira seramai 283,898 orang. Proses pemutihan penerima subsidi padi beras ini dijangka akan siap sepenuhnya pada Jun 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar Orang Asli yang memasuki MRSM, SBP dan ke PIPOA, Rompin dan bantuan galakan pendidikan yang disediakan oleh JAKOA pada tahun 2019.

NO SOALAN: 92

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pelajar Orang Asli yang memasuki Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) & Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Rompin pada tahun 2019 adalah seperti berikut :

NAMA SEKOLAH	TINGKATAN					JUMLAH
	1	2	3	4	5	
Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)	11	5	10	18	9	**53**
Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	9	9	4	1	9	**32**
Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA)	36	27	26	0	0	**89**

Bantuan galakan pendidikan JAKOA tahun 2019.

Pendidikan merupakan aspek utama dalam proses pembangunan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Oleh itu, JAKOA mengambil inisiatif memberi bantuan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli dari awal persekolahan sehingga pendidikan tinggi. Bantuan yang diberikan adalah untuk menggalakkan anak-anak Orang Asli berminat kepada dunia pendidikan demi masa depan yang cerah. Selain itu, bantuan yang diberikan dapat

meringankan beban masyarakat Orang Asli untuk membiayai perbelanjaan pendidikan di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh JAKOA dalam meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli dengan mewujudkan bantuan di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) Orang Asli. Antara jenis bantuan/insentif pendidikan yang telah diberikan oleh JAKOA kepada pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah dan menengah ialah biaya yuran sekolah/yuran pelbagai, bantuan pakaian seragam/uniform/jasmani, elaun catuan makan, biaya sewa pengangkutan, wang saku dan lain-lain lagi.

Tuan Yang Di Pertua, bagi memberi galakan motivasi ke arah peningkatan kecemerlangan pendidikan, JAKOA turut mengadakan program-program kecemerlangan seperti Anugerah Murid Cemerlang (AMC) kepada para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam bidang akademik dengan memberikan sijil kecemerlangan dan duit imbuhan saguhati.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

(a) langkah-langkah yang bakal diambil oleh pihak Kementerian untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara amnya, dan khususnya untuk Sabah dan Sarawak; dan

(b) adakah berita pengecilan saiz kakitangan Kerajaan dan khabar angin pemansuhan polisi pencen akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020.

NO SOALAN: 93

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara, beberapa strategi ekonomi makro telah dikenal pasti di bawah KSP RMKe-11, antaranya:

   (i) Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;

   (ii) Menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi;

   (iii) Melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi;

   (iv) Mengukuhkan eksport dan mengurus import bagi menambah baik imbangan pembayaran; dan

   (v) Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Walaupun pertumbuhan ekonomi mencatat prestasi yang baik pada peringkat nasional, namun Kerajaan menyedari bahawa terdapat isu

ketidakseimbangan pembangunan antara negeri. Justeru, bagi mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang wujud, penekanan yang lebih besar kepada negeri yang masih memerlukan sokongan pembangunan termasuk di Sabah dan Sarawak akan diberi keutamaan.

3. Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11, di bawah Tonggak ke-3 Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang, beberapa strategi telah digariskan untuk mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak termasuk:

(i) Mempergiat pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan bagi mempercepat pembangunan di kawasan kurang membangun;

(ii) Mempertingkat infrastruktur untuk menambah baik ketersambungan bagi merancakkan pembangunan setempat;

(iii) Memperluas akses kepada infrastruktur, amenity dan perkhidmatan asas bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat;

(iv) Menambah peluang pekerjaan bagi menambah baik taraf hidup rakyat; dan

(v) Meningkatkan pembangunan tanah adat untuk menjana pendapatan dan membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan juga akan mengagihkan peruntukan pembangunan bagi tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 dengan memberi keutamaan kepada enam negeri yang kurang membangun termasuk Sabah dan Sarawak.

5. Di bawah *Rolling Plan* 4 (2019) RMKe-11, negeri Sabah telah diperuntukkan sejumlah RM5.01 bilion (iaitu 9.2% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan). Peruntukan ini telah meningkat 21.3% (iaitu sebanyak RM879 juta) berbanding tahun sebelumnya (RM4.13 bilion pada 2018) bagi melaksanakan sebanyak 119 projek baharu dan 519 projek sambungan.

6. Bagi Sarawak pula, sejumlah RM4.35 bilion telah diperuntukkan di bawah RP4 (2019) (iaitu 7.9% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan). Peruntukan ini telah meningkat 0.2% (iaitu sebanyak RM10 juta) berbanding tahun sebelumnya (RM4.34 bilion pada 2018) bagi melaksanakan sebanyak 68 projek baharu dan 495 projek sambungan.

7. Dalam tempoh terakhir RMKe-11, antara projek-projek berimpak tinggi di Sabah dan Sarawak yang sedang dilaksanakan Kerajaan melalui Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharu Sarawak (SCORE) adalah:

   (i) Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay di Sabah;

(ii) Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit di Lahad Datu, Sabah;

(iii) Pembinaan Jalan Akses Ke Tapak Empangan Baleh, Bahagian Kapit; Sarawak; dan

(iv) Penyediaan Tapak dan Infrastruktur bagi Pusat Pembangunan Hab Halal Tanjung Manis Fasa 1A - Peringkat 1 di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi isu berkaitan dengan pengecilan saiz kakitangan Kerajaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa berdasarkan maklumat Jabatan Perkhidmatan Awam Jabatan Perdana Menteri, bayaran emolumen dan persaraan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM105.2 bilion atau 45.5% kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus, iaitu telah meningkat daripada RM63.7 bilion atau 34.9% pada tahun 2011.

9. Bagi mengawal perbelanjaan tersebut, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam untuk mengawal perbelanjaan tersebut dengan mengambil pendekatan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam.

10. Dasar ini tidak akan melibatkan sebarang pemberhentian penjawat

awam, sebaliknya lebih memberi tumpuan kepada usaha merasionalisasikan perjawatan yang masih tidak diisi melebihi tempoh dua tahun.

11. Selain itu, dasar sedia ada juga telah ditambah baik ke arah memastikan pemberian faedah persaraan kepada penjawat awam sentiasa mencukupi selaras dengan Perkara 147 di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu Perlindungan Hak-hak Pencen. Sehubungan itu, tiada perubahan kepada Skim Pencen malah dikekalkan bagi penjawat awam dan pesara sedia ada.

12. Kerajaan yakin bahawa dengan pelaksanaan dasar ini, kecekapan perkhidmatan awam dapat ditingkatkan serta menyokong pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mampan bagi tahun 2020 dan seterusnya, seperti mana yang telah dinyatakan dalam dokumen KSP RMKe-11 di bawah Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Tuan Khairul Azwan Harun minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kerajaan dalam membendung kegiatan gejala sosial seperti LGBT secara terbuka.

NO SOALAN: 94

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius mengenai gejala sosial yang kian menular terutamanya budaya LGBT yang semakin membimbangkan mutakhir ini. Justeru, golongan ini jika tidak disantuni dan dibimbing sebaiknya tidak akan membawa apa-apa perubahan untuk membawa mereka kembali kepada fitrah.

Kerajaan melalui agensi agama komited di dalam melaksanakan pelbagai program dakwah kepada semua golongan termasuk golongan LGBT. JAKIM telah mengambil inisiatif dengan menyantuni golongan LGBT melalui aktiviti temuseru *(outreach)* ke kawasan yang dikenalpasti serta mengajak mereka yang beragama Islam menyertai program rawatan dan pemulihan (*'Ilaj wa Syifa')* secara sukarela iaitu Program Mukhayyam yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di samping itu, aktiviti susulan seperti usrah dan kelas pengajian turut dilaksanakan, sebagai suatu bentuk sokongan dan bimbingan yang berterusan *(peer support)* agar kesedaran melakukan perubahan adalah berpanjangan.

Manakala dalam aspek pencegahan bagi menangani isu LGBT ini, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga turut memberikan kerjasama menerusi kaedah penerangan, pemantauan dan penguatkuasaan. Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama

pelbagai pihak termasuk bimbingan yang diberikan oleh Sahibus Samahah, Mufti Wilayah Persekutuan sendiri.

Dari aspek penguatkuasaan contohnya JAWI melaksanakan program dan aktiviti seperti Kempen Kesedaran dan Kefahaman Undang- Undang Syariah, pemantauan di pelbagai tempat di samping mengedarkan risalah Kesedaran Undang-Undang Syariah serta memberi nasihat dan penerangan supaya tidak terlibat dengan kesalahan jenayah syariah. Bagi membendung budaya LGBT ini secara terbuka, penguatkuasaan undang-undang di Wilayah Persekutuan, peruntukan yang dirujuk adalah seperti seksyen 25 Liwat, seksyen 26 Musahaqah dan seksyen 28 Lelaki Berlagak Seperti Perempuan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559].

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan manfaat yang telah diperoleh oleh Malaysia hasil daripada lawatan kerja yang dibuat ke negara luar atau yang diterima dari negara luar sejak Mei tahun 2018.

NO SOALAN: 95

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain Bin Awang di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri adalah merupakan Kementerian yang bertanggungjawab bagi menjaga kepentingan Malaysia disamping menyumbang kepada masyarakat antarabangsa melalui diplomasi yang proaktif. Dalam hal ini, lawatan kerja di peringkat kepimpinan Kerajaan ke luar negara mahupun dari kepimpinan negara asing ke Malaysia adalah merupakan antara elemen penting dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Berdasarkan kepada elemen ini, lawatan-lawatan kerja yang dibuat oleh barisan kepemimpin Kerajaan ke luar negara atau dari negara asing ke Malaysia yang diatur dan diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri adalah dipastikan untuk memberikan manfaat yang wajar dan terbaik kepada negara secara khasnya.

3. Secara lazimnya, terdapat beberapa elemen yang menentukan hasil atau manfaat daripada lawatan kerja yang dilakukan, antaranya seperti meningkatkan kerjasama dua hala, meneroka peluang baru dalam pelbagai bidang, mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara negara, meneroka peluang-peluang pelaburan ke negara yang dilawati serta menarik pelabur asing ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dewan mulia ini, antara manfaat penting yang hasil dari lawatan-lawatan ini adalah dari segi kepentingan nasional. Seperti yang kita sedia maklum bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya mengurangkan komitmen kewangan Kerajaan dengan rundingan semula terhadap beberapa projek mega yang berkos tinggi. Selain itu, dari mendapat persetujuan bersama untuk penyelesaian terbaik isu perjanjian air, sempadan darat, perairan dan ruang udara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Saya juga ingin menyatakan bahawa, melalui lawatan-lawatan ini juga Kerajaan Pakatan Harapan dapat mengetengahkan dasar-dasar baru Kerajaan dan usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan lagi peranan Malaysia diperingkat antarabangsa. Oleh yang demikian, Kerajaan "Malaysia Baru" sentiasa mengambil berat akan pandangan serta peranan yang harus diambil oleh Kerajaan bagi memastikan setiap lawatan kerja ke luar negara oleh kepimpinan Kerajaan dan lawatan kerja ke Malaysia oleh kepimpinan negara asing haruslah memenuhi elemen-elemen yang memberi manfaat kepada negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD NORDIN**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar mengikut kaum pada 2019 di seluruh negara dan bagaimana usaha memupuk perpaduan bangsa Malaysia di Sekolah Kebangsaan, SJKC, SJKT dan Sekolah Menengah dapat dicapai sepenuhnya.

NO SOALAN: 96

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga kini terdapat sebanyak 2,729,294 murid sedang bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,660,178 (60.83%) terdiri daripada murid kaum Melayu, 441,019 (16.16%) murid kaum Cina, 155,053 (5.68%) murid kaum India dan 473,044 (17.33%) murid lain-lain kaum.

Bagi sekolah menengah pula, sebanyak 2,005,233 murid sedang bersekolah di sekolah menengah seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 1,197,497 (59.72%) adalah murid kaum Melayu, 327,451 (16.33%) murid kaum Cina, 139,896 (6.98%) murid kaum India dan 340,389 (16.98%) murid daripada lain-lain kaum.

KPM sentiasa prihatin dalam aspek memupuk perpaduan dalam kalangan murid. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bilangan 9 Tahun 2018: Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah KPM bertarikh 9 November 2018. Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil serta Sekolah Menengah.

NO SOALAN: 96

Garis panduan amalan perpaduan di sekolah yang disediakan ini diharap dapat memperjelaskan hala tuju serta membimbing pihak sekolah merealisasikan matlamat Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan 2019-2025 yang dibangunkan oleh KPM. Dua (2) objektif utama garis panduan ini adalah:

i. meningkatkan perpaduan di setiap sekolah melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang memberi peluang untuk guru dan murid pelbagai kaum bertemu dan mengenali antara satu sama lain bagi meningkatkan keupayaan menerima perbezaan kaum, budaya, bahasa dan agama; dan

ii. meningkatkan penerapan elemen perpaduan dalam kehidupan seharian warga sekolah iaitu menerima, menghormati, memahami dan menghayati kepelbagaian.

Selain itu, di bawah Inisiatif #110 Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di sekolah, penerapan nilai dan perpaduan dilaksanakan melalui program-program yang menekan empat (4) nilai teras iaitu kasih sayang, hormat menghormati, tanggungjawab dan kegembiraan bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika, efektif dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan negara bangsa yang mampan dan inklusif.

Melalui aktiviti kokurikulum pula, pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau RIMUP, yang terkandung dalam sistem pendidikan negara memberi peluang kepada murid pelbagai kaum daripada berlainan jenis atau aliran sekolah untuk berinteraksi melalui aktiviti integrasi

atau perpaduan. Aktiviti integrasi ini telah dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum yang meliputi lima (5) elemen iaitu Kesenian dan Kebudayaan, Sukan dan Permainan, Jati Diri dan Patriotisme, Akademik dan Khidmat Masyarakat di sekolah.

Melalui kurikulum pula, bermula pada peringkat prasekolah, KPM telah mengambil inisiatif dengan menerapkan komponen perpaduan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mula dilaksanakan pada 2010 di semua prasekolah kerajaan dan tadika swasta.

Manakala di peringkat sekolah rendah dan menengah, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai 2017 juga menekankan kepada perpaduan antara kaum di Malaysia. Kurikulum ini digubal selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015) yang menekankan kepada tiga konstruk utama iaitu,

i. Menerima kepelbagaian:
ii. Menghormati Kepelbagaian:
iii. Mengurus Kepelbagaian:

Selain itu, Buku Panduan Pelaksanaan Memperkukuh Perpaduan Melalui Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam kurikulum menekankan warga sekolah perlu menerima, menghormati serta mengurus kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa melalui aktiviti-aktiviti yang dicadangkan. Murid juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti lain seperti khidmat masyarakat serta pembelajaran koperatif adalah antara strategi pengajaran yang diterapkan bagi memperkukuh perpaduan kaum.

NO SOALAN: 96

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**
TARIKH	**:**	**22 APRIL 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], di mana kebanyakan syarikat pusat perubatan dan klinik swasta susah untuk menjalankan operasi, ditambah pula dengan banyak kerenah birokrasi dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian.

NO SOALAN: 97

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, yang juga dikenali sebagai Akta 586, ialah suatu Akta yang mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan *(regulate)* dan pengawalan *(control)* ke atas kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan **swasta** di Malaysia. Dari segi takrifan, kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta bermaksud kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan selain daripada yang ditubuhkan, disenggarakan, dikendalikan atau disediakan oleh Kerajaan.

Akta 586 ini telah diwartakan sejak tahun 1998 dan mula dikuatkuasakan bermula pada tahun 2006. Secara dasarnya, Akta 586 ini menetapkan **standard minima** bagi penubuhan dan pengoperasian sesebuah fasiliti jagaan kesihatan swasta.

Di bawah Akta 586 ini, terdapat sebanyak 13 jenis kemudahan jagaan kesihatan swasta yang dikawal selia iaitu seperti klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta, hospital swasta, pusat jagaan ambulatori swasta, rumah jagaan kejururawatan swasta, rumah bersalin swasta, pusat hemodialisis swasta dan hospis swasta. Sebelum fasiliti-fasiliti ini boleh mula beroperasi untuk menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan kepada orang awam, pengendali premis-premis ini perlu mendapatkan Perakuan Pendaftaran atau Lesen yang berkenaan di bawah Akta 586 ini terlebih dahulu.

Yang di-Pertua,

Akta 586 ini boleh dikatakan bersifat *end regulatory* kerana pendaftaran atau pelesenan fasiliti jagaan kesihatan swasta di bawah Akta ini adalah bergantung kepada kelulusan entiti-entiti lain yang berkaitan dengan penubuhan dan pengoperasian fasiliti tersebut.

Dalam tempoh 20 tahun ini, Kementerian amat menyedari dan tidak pernah menafikan pembangunan pesat industri perubatan dan kesihatan dunia, amnya dan Malaysia, khususnya. Penglibatan ekuti asing (*foreign equity*), pembangunan pelancongan kesihatan dan perubatan (*health and medical tourism*), serta kewujudan teknologi-teknologi kesihatan baru (*emerging healthcare technologies*) sememangnya memerlukan penelitian dan kajian semula pelaksanaan **pelbagai** perundangan dan polisi/dasar yang berkaitan, tidak hanya terhad kepada pelaksanaan Akta 586 sahaja.

Kesukaran ini turut dialami secara langsung oleh entiti-entiti regulatori di bawah Kementerian ini kerana perlu sentiasa mengimbangi secara optima antara tahap dan/atau keperluan menerima dan mengadaptasi perubahan-perubahan yang melanda terutamanya bagi menyokong perkembangan ekonomi Negara dengan faktor keselamatan pesakit (rakyat) dan kualiti jagaan kesihatan yang dijanjikan, dalam ruang lingkup perundangan sedia ada. Kekangan-kekangan inilah yang kerap kalinya dilihat sebagai kerenah birokrasi di pihak regulator / pegawai Kementerian.

Yang di-Pertua,

Namun, sekiranya memang dapat dibuktikan bahawa kesusahan atau kesulitan yang dialami oleh pengusaha-pengusaha industri fasiliti jagaan kesihatan adalah disebabkan oleh kerenah birokrasi pegawai-pegawai di Kementerian, Kementerian Kesihatan tidak ada halangan untuk perkara tersebut diangkat kepada mana-mana badan berautoriti yang relevan, supaya siasatan lanjut dapat dijalankan dan langkah-langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.